



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP FEMINISME TALBIAH DALAM KARYA AMINAH MOKHTAR

IDA ROZIANA BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dari perspektif feminisme Barat dan Islam. Objektif kajian adalah untuk menganalisis perwatakan wanita Melayu Islam berasaskan Konsep Feminisme Talbiah, mengaplikasikan Konsep Feminisme Talbiah terhadap karya-karya prosa Aminah Mokhtar dan membangunkan kerangka konsep Feminisme Talbiah berasaskan model Elaine Showalter dan Yusuf al-Qardhawi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Pengkaji telah menggunakan empat elemen ginokritikan oleh Elaine Showalter dan enam elemen kedudukan wanita dalam Islam menurut Yusuf al-Qardhawi. Elemen-elemen ini digunakan untuk membentuk Konsep Feminisme Talbiah. Dapatan kajian mendapati ginokritikan mempunyai kelompangan, iaitu tidak bersandarkan kepada pegangan Tauhid dan bertentangan dengan perwatakan wanita Melayu Islam yang hidup dalam syariat Islam serta budaya Melayu. Pencantuman ginokritikan dengan kedudukan wanita dalam Islam telah melahirkan aspek luaran dan aspek dalaman Konsep Feminisme Talbiah yang memfokuskan kepada pegangan Tauhid, iaitu berdasarkan Konsep Talbiah yang bermaksud menyerah diri secara mutlak kepada Allah SWT. Dapatan sorotan kepustakaan mendapati Konsep Feminisme Talbiah ini dibahagikan kepada aspek luaran yang terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan budaya manakala aspek dalaman pula terdiri daripada psikologi serta spiritual/kerohanian. Pengkaji telah mengaplikasikan Konsep Feminisme Talbiah ini terhadap karya prosa, iaitu novel dan cerpen hasil kepengarangan Aminah Mokhtar, iaitu *Ratap Rabitah* dan *Diari Seorang Jururawat* serta tiga buah cerpen yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen *Pelamin Embun*, iaitu *Akar Cinta*, *Aku Ingin Menjadi Rabiah* dan *Lautan Cintaku, Istana Pasir Adik-adik*. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian Konsep Feminisme Talbiah terhadap novel dan cerpen karya Aminah Mokhtar memperkasa konsep Tauhid dalam karya tersebut. Implikasi kajian menunjukkan Konsep Feminisme Talbiah mempunyai keserasian untuk diaplikasikan kepada novel serta cerpen pilihan karya Aminah Mokhtar dalam memaparkan watak dan perwatakan wanita Melayu yang Muslimah.





CONCEPT OF TALBIAH FEMINISM IN THE PROSE WORKS OF AMINAH MOKHTAR

ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse the characteristics of the Malay Muslim women from the perspectives of Western feminism and Islam. The objectives of this study were to analyse the characters of the Malay Muslim women based on the Talbiah Feminism Concept, to apply the Talbiah Feminism Concept to Aminah Mokhtar's prose works and to develop the Talbiah Feminism Concept based on Elaine Showalter's and Yusuf al-Qardhawi's models. This study used a library study design and document analysis. The researcher used four gynocritical elements by Elaine Showalter and six elements of women's position in Islam by Yusuf al-Qardhawi to construct the Talbiah Feminism Concept. This study found that the gynocritics has a gap that it is not based on Tauhid and thus it is contrary to the traits of Malay Muslim women living in Islamic and Malay culture. The integration of gynocriticism and the Islamic position of women has formed the external and internal aspects of the Talbiah Feminism Concept that focuses on the Tauhid, in which the Talbiah Concept means to surrender to Allah SWT. The findings of the library research show that Talbiah's Feminism Concepts are divided into external aspects of personality, piety and culture while internal aspects comprised the psychological and spiritual dimensions. The researcher has applied Talbiah Feminism Concept to prose works, the novels and short stories of Aminah Mokhtar, namely *Ratap Rabitah* and *Diari Seorang Jururawat*, and the three short stories contained in the *Pelamin Embun*, which are *Akar Cinta*, *Aku Ingin Menjadi Rabiah* and *Lautan Cintaku*, *Istana Pasir Adik-adik*. The conclusion of the study shows that the application of the Talbiah Feminism Concept to the novels and short stories of Aminah Mokhtar has reinforced the concept of Tauhid in her works. The implication of the study shows the Talbiah Feminism Concept is suitable to be applied to the novels and short stories of Aminah Mokhtar's work featuring the characters and characteristics of the Malay Muslim Women.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	7
1.3	Permasalahan Kajian	28
1.4	Objektif Kajian	43
1.5	Soalan Kajian	43
1.6	Kepentingan Kajian	44
1.7	Batasan Kajian	44
1.8	Definisi Istilah	52

**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	59
2.2	Sorotan Literatur Luar Negara	60
2.3	Sorotan Literatur Dalam Negara	64
2.3.1	Sorotan Literatur Peringkat Doktor Falsafah	64
2.3.2	Sorotan Literatur Peringkat Sarjana	69
2.3.3	Sorotan Literatur Penulisan Jurnal	75
2.3.4	Sorotan Literatur Buku-buku Ilmiah	76
2.3.5	Sorotan Literatur Kertas Kerja	81
2.4	Kesimpulan	82

**BAB 3**

3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	89
3.3	Instrumen Kajian	90
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.5	Penganalisan Data	91
3.6	Kerangka Konsep	91
3.6.1	Feminisme dan Pergerakan di Malaysia	101
3.6.2	Kaedah Bacaan Ginokritikan	104
3.6.3	Wanita Islam Sejati	111
3.6.4	Kedudukan Wanita Dalam Islam Menurut Pandangan Yusuf al-Qardhawi	117
3.6.4.1	Wanita Sebagai Insan	118





3.6.4.2	Wanita Sebagai Perempuan	120
3.6.4.3	Wanita Sebagai Ibu	124
3.6.4.4	Wanita Sebagai Anak	126
3.6.4.5	Wanita Sebagai Isteri	128
3.6.4.6	Wanita Sebagai Anggota Masyarakat	131
3.6.5	Wanita Melayu Islam	134
3.6.6	Konsep Talbiah	146
3.6.7	Konsep Feminisme Talbiah	151
3.7	Kesimpulan	154

BAB 4**KEPERIBADIAN FEMINISME AMINAH MOKHTAR**

4.1	Pengenalan	157
4.2	Latar Keluarga dan Latar Pendidikan Aminah Mokhtar	159
4.2.1	Sejarah Penglibatan Aminah Mokhtar Dalam Bidang Penulisan dan Karya-karya Yang Dihasilkan	160
4.2.2	Pencapaian Aminah Mokhtar Dalam Bidang Penulisan	163
4.3	Kecenderungan Aminah Mokhtar Melahirkan Watak-watak Wanita Melayu Islam Dalam Karyanya	165
4.4	Proses Kreatif Penghasilan Cerpen oleh Aminah Mokhtar	171
4.5	Kesimpulan	175





BAB 5 ASPEK LUARAN DAN ASPEK DALAMAN KONSEP FEMINISME TALBIAH DALAM KARYA AMINAH MOKHTAR

5.1	Pengenalan	177
5.2	Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah	178
5.2.1	Personaliti	178
5.2.2	Ketakwaan	180
5.2.3	Budaya	182
5.3	Analisis Karya-karya Aminah Mokhtar Menggunakan Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah Berdasarkan Jadual	185
5.4	Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah dalam Karya Aminah Mokhtar	189
5.4.1	Personaliti	190
5.4.1.1	Keperibadian/Imej	193
5.4.1.2	Penampilan Diri	198
5.4.1.3	Perwatakan/Sikap	202
5.4.2	Ketakwaan	206
5.4.2.1	Melaksanakan Perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW	210
5.4.2.2	Membantu Menegakkan Agama Allah SWT/Berjihad	214
5.4.2.3	Sentiasa Berderma dan Berinfak Ke Jalan Allah SWT serta Jalan Kebajikan	219
5.4.2.4	Bertawakal Kepada Allah SWT	222
5.4.2.5	Pasrah dan Tunduk Kepada Ketetapan Allah SWT	227
5.4.3	Budaya	233
5.4.3.1	Komunikasi/Bahasa	237





5.4.3.2	Adat/Cara Hidup	242
5.4.3.3	Penerimaan Masyarakat Terhadap Pendapat/Buah Fikiran	247
5.5	Rumusan Daripada Analisis Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah	253
5.6	Aspek Dalam Konsep Feminisme Talbiah	255
5.6.1	Psikologi	256
5.6.2	Spiritual/Kerohanian	258
5.7	Analisis Karya-karya Aminah Mokhtar Menggunakan Aspek Dalam Konsep Feminisme Talbiah Berdasarkan Jadual	260
5.8	Aspek Dalam Konsep Feminisme Talbiah Dalam Karya Aminah Mokhtar	264
5.8.1	Psikologi	264
5.8.1.1	Pemikiran (<i>Al-Aql</i>)	266
5.8.1.2	Kejiwaan/Perasaan/Emosi (<i>Al-Qalb</i>)	272
5.8.1.3	Kebijaksanaan/Intelektual	277
5.8.2	Spiritual/Kerohanian	282
5.8.2.1	Berpegang Kepada Tauhid (akidah)	284
5.8.2.2	Merealisasikan Tauhid Dalam Kehidupan, Tindakan dan Pemikiran	288
5.8.2.3	Meyakini Sepenuhnya Kekuasaan Allah SWT	294
5.9	Rumusan Daripada Analisis Aspek Dalam Konsep Feminisme Talbiah	300
5.10	Kesimpulan	301





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

3.1	Lima Elemen dan Kriteria-kriteria dalam Konsep Feminisme Talbiah	153
4.1	Novel-novel Karya Aminah Mokhtar yang Memaparkan Watak Wanita Melayu Islam	168
4.2	Kumpulan Cerpen <i>Pelamin Embun</i> yang Memaparkan Watak Wanita Melayu Islam	169
4.3	Kumpulan Cerpen <i>Di Ufuk Fajar</i> yang Memaparkan Watak Wanita Melayu Islam	170
4.4	Kumpulan Cerpen <i>Penawar</i> yang Memaparkan Watak Wanita Melayu Islam	170
5.1	Analisis Novel-novel Pilihan Karya Aminah Mokhtar Berdasarkan Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah	186
5.2	Analisis Cerpen-cerpen Pilihan Karya Aminah Mokhtar Berdasarkan Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah	188
5.3	Analisis Novel-novel Pilihan Karya Aminah Mokhtar Berdasarkan Aspek Dalaman Konsep Feminisme Talbiah	261
5.4	Analisis Cerpen-cerpen Pilihan Karya Aminah Mokhtar Berdasarkan Aspek Dalaman Konsep Feminisme Talbiah	263



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

3.1	Reka Bentuk Kajian	88
3.2	Percantuman Ginokritikan oleh Elaine Showalter dengan Kedudukan Wanita Dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi	92
3.3	Konsep Talbiah oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri	99
3.4	Kerangka Konsep Feminisme Talbiah	100
3.5	Kritikan Sastera dari Perspektif Feminisme oleh Elaine Showalter	110
3.6	Peranan dan Tanggungjawab Wanita Islam oleh Azizah Lebai Nordin	117
3.7	Enam Elemen Berkaitan Kedudukan Wanita Dalam Islam Oleh Yusuf Al-Qardhawi	134
3.8	Ciri-ciri Fizikal Orang Melayu oleh Syed Husin Ali	137
3.9	Definisi Melayu oleh Kerajaan Malaysia	137
3.10	Definisi Melayu dari Aspek Budaya	138
3.11	Kriteria Wanita Melayu Dalam Sejarah Melayu Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka	139
3.12	Konsep Talbiah	151
3.13	Konsep Feminisme Talbiah	152





SENARAI SINGKATAN

CEDAW *Convention On The Elimination of All Form of Discrimination Against Women*

DBP Dewan Bahasa dan Pustaka

FELDA *Federal Land Development Authority*

GAPENA Gabungan Persatuan Penulis Nasional

IPTA Institut Pendidikan Tinggi Awam

NGO *Non Government Organisation*

PBB Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

PPUM Pusat Perubatan Universiti Malaya



RTM

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia

UM

Universiti Malaya

UPM

Universiti Putra Malaysia

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

USM

Universiti Sains Malaysia

WAO

Women's Aid Organisation

WCC

Women's Crisis Centre



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Islam hadir semasa sebahagian manusia menolak keinsanan wanita. Mereka menganggap wanita hanya makhluk yang dijadikan semata-mata untuk berkhidmat kepada lelaki. Lantaran itu, Islam merupakan agama yang syumul telah menetapkan beberapa elemen yang mengangkat martabat wanita. Di antara kelebihan Islam ialah menghormati wanita, mengiktiraf keinsanan serta keupayaannya untuk memikul tuntutan (agama), tanggungjawab, kesaksamaan hukuman dan peluang memasuki syurga. Islam menganggap wanita sebagai insan yang mulia. Al-Qardhawi (dipetik dalam Muhammad Hussain Al-Zahabi, 2006, ms. 4), wanita mempunyai hak-hak keinsanan yang setaraf dengan lelaki kerana wanita dan lelaki adalah cabang kepada pohonan yang satu dan saudara yang dilahirkan oleh bapa yang satu iaitu Adam AS dan dari ibu yang juga satu iaitu Hawa. Sehubungan dengan itu, mereka adalah setaraf ciri-ciri keinsanan, setaraf dari aspek taklif (tuntutan agama) serta tanggungjawab dan setaraf dari aspek pembalasan dan tempat kembali (setelah kematian).





KH. Husein Muhammad (dipetik dalam Norhayati Haji Kaprawi dan Zaitun Mohamed Kasim, 2004, ms. 43) dengan kedatangan Islam, pandangan dan amalan-amalan yang benci – perempuan dan menindas diubah dan diganti dengan pandangan yang adil dan berperikemanusiaan. Secara berperingkat, Islam mengembalikan semula kuasa perempuan sebagai manusia merdeka. Umar bin Khattab yang diketahui pernah (sebelum Islam) menguburkan anak perempuannya sendiri menyatakan: *Kami tidak pernah menganggap (terhormat, penting) kaum perempuan. Ketika Islam datang dan Allah menyebut mereka, baru kami sedari bahawa ternyata mereka juga memiliki hak-hak mereka atas kami.* Hal ini menunjukkan bahawa Islam mahu mewujudkan kehidupan manusia yang bermoral luhur serta menghargai nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Sehubungan itu, perlu diakui bahawa wanita mendapat pengiktirafan hak dan kedudukan yang tinggi dalam Islam meliputi seluruh kehidupannya. Dalam perkembangan dunia hari ini, wanita mampu beriringan dengan lelaki untuk bersama-sama membangunkan masyarakat dan keluarga tanpa menggugat identiti serta fungsi kewanitaannya. Wanita masa kini bersedia menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan dinamik dalam sesebuah negara yang membangun seperti Malaysia. Abd. Rahim Abd. Rashid (2011, ms. iii), penglibatan wanita dalam bidang kerjaya, kemunculan lebih ramai wanita dalam bidang profesional dan kepimpinan organisasi dan institusi menunjukkan kesediaan wanita untuk menonjolkan keterampilan personal, intelek, sosial, gaya hidup, kepimpinan, dan kewibawaan personal. Oleh itu, status, taraf dan kedudukan wanita telah mengalami perubahan pesat selaras dengan dasar menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang progresif. KH. Husein Muhammad (dipetik dalam Norhayati Haji Kaprawi dan Zaitun Mohamed Kasim, 2004, ms. 45), zaman telah berubah. Sekarang semakin ramai perempuan yang memiliki keupayaan dan boleh melakukan peranan-peranan yang selama ini dipandang hanya dan harus menjadi milik lelaki.





Ramai perempuan di pelbagai ruang kehidupan yang mampu mengambil peranan dalam kepimpinan rumah tangga dan juga awam, di bidang politik, ekonomi dan sosial.

Sejarah penglibatan wanita dalam bidang kesusasteraan amat penting kerana sumbangan mereka sebagai pemikir yang menulis tentang keprihatinan dan harapan mereka terhadap wanita khasnya serta masyarakat di sekeliling mereka amnya. Sebagai anggota masyarakat yang juga pemikir, pengarang wanita mampu memberi gambaran yang jelas tentang peranan wanita dalam masyarakat melalui karya mereka. Tidak dinafikan pengarang-pengarang wanita ini turut menyumbang ke arah perkembangan sastera Melayu dan karya-karya mereka menggambarkan keadaan masyarakat pada ketika itu. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 58), karya mereka merupakan dokumen sosial yang memberi gambaran masyarakat pada masa tertentu dalam sejarah tanah air. Di samping itu juga, penulis-penulis wanita ini terlibat secara aktif dalam perkembangan sastera dan mereka giat menghasilkan karya sastera yang memberi senario yang lebih jelas tentang peranan wanita melalui lukisan watak wanita dalam karya mereka. Oleh itu, berdasarkan watak wanita tersebut dapat dinilai peranan yang mereka mainkan dalam proses pembangunan negara. Sebagai pengarang wanita, mereka begitu peka terhadap masalah pembangunan negara dan mereka tetap cuba menggambarkan wanita itu mampu untuk berjaya serta menjadi penyumbang pembangunan sesebuah negara.

Dari segi sejarah, wanita Melayu telah menjadi pengembang dan penyampai sastera sejak dahulu lagi khususnya dalam prosa pengajaran kepada anak atau cucu mereka melalui cerita-cerita nasihat atau lipur lara. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 59), kaum wanita memainkan peranan itu ketika majoriti masyarakat Melayu masih belum mengenal huruf. Apabila semakin ramai





wanita berpeluang untuk bersekolah secara formal mereka menyalurkan nasihat, rasa hati, pendapat melalui penulisan yang disiarkan dalam akhbar dan majalah.

Perlu diakui bahawa penglibatan wanita dalam dunia sastera lebih terkemudian berbanding dengan lelaki. Hal ini kerana hak golongan wanita pada masa itu dinafikan, iaitu mereka tidak mendapat peluang pendidikan sepertimana golongan lelaki. Membunga@Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 70), satu daripada faktor yang menyebabkan tidak ramai wanita Melayu menceburkan diri dalam bidang penulisan pada peringkat awal ialah tahap pendidikan yang rendah. Mereka pada mulanya tidak mendapat pendidikan formal seperti lelaki. Di Barat pula hanya wanita golongan atasan sahaja yang berpeluang menerima pendidikan sehingga muncul golongan feminis untuk membuat tuntutan berhubung dengan peluang pendidikan. Namun begitu, wanita-wanita Melayu masih berpeluang menerima pendidikan walaupun hakikatnya pada masa itu ialah zaman penjajahan. Membunga@Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 70), wanita Melayu pada masa itu tidak diberi peluang oleh institusi keluarga dan sosiobudaya untuk ke sekolah kerana wanita normanya berada di rumah, menjadi isteri dan ibu. Hanya segelintir daripada mereka sahaja yang dapat menikmatinya kerana kesedaran ibu bapa mereka terhadap kemajuan, dan kesedaran ini meningkat dari setahun ke setahun. Faktor ini menjadi penyebab kurangnya bilangan wanita Melayu yang menceburkan diri dalam bidang penulisan. Jika ada sekalipun mereka akan berhenti menulis setelah mendirikan rumah tangga hingga menjadikan jumlah penulis-penulis wanita semakin berkurangan.

Sebaliknya, penulis-penulis lelaki terus giat berkarya dan sering membicarakan tentang wanita dalam sastera melalui pandangan mereka sendiri. Namun begitu, hakikat sebenarnya gambaran watak wanita dari sudut pandangan penulis lelaki dan wanita ternyata





berbeza sama sekali. Justeru, muncul penulis-penulis wanita yang berusaha membina imej wanita Melayu dalam penulisan mereka agar selari dengan perubahan serta pengaruh luar yang melingkari kehidupan mereka. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 66), sesungguhnya di tangan pengarang wanita, imej wanita diletakkan pada kedudukan yang tinggi bukan kerana kecantikan semata-mata tetapi kerana kemampuan wanita itu sendiri. Secara tidak langsung pengarang wanita sangat percaya pada kemampuan golongan sejenis untuk turut terlibat dalam pembangunan negara sejajar dengan potensi yang perlu diserlahkan di samping diberi peluang yang luas.

Wanita dalam Islam mempunyai kedudukan yang mulia serta mempunyai hak-hak mereka yang tersendiri sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran, al-Sunah serta pendapat ulama. Namun begitu, wanita di Barat menganggap diri mereka teraniaya serta wujudnya diskriminasi dalam sektor pendidikan, pekerjaan dan sebagainya sehingga memaksa mereka bangkit menuntut hak-hak serta kebebasan mereka agar setanding dengan lelaki di sana. Oleh itu, pergerakan feminisme ini telah menular di serata dunia termasuklah di Malaysia. Perkembangan isu wanita dan tuntutan kesamaan hak mula menjelma hanya selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957. Pada zaman pra-kemerdekaan, penglibatan lelaki dan wanita adalah bergandingan untuk mengusir penjajah dari tanah air ini. Isu berkaitan wanita telah dibangkitkan tetapi hanya berkisar tentang pendidikan kanak-kanak perempuan yang buta huruf. Selain itu, kedudukan wanita dalam arena politik juga adalah sangat rendah disebabkan faktor pendidikan serta budaya yang masih lagi membelenggu wanita pada ketika itu.





Sehubungan dengan itu, timbulnya kesedaran yang membawa kepada perubahan di Malaysia supaya wanita bergerak seiring dengan lelaki untuk memajukan negara. Wanita harus pandai merebut peluang yang diberikan serta tahu mencorak kehidupannya agar selari dengan tugas-tugas hakiki sebagai isteri dan ibu kepada keluarga. Nooh Gadut (dipetik dalam Siti Fatimah Abdul Rahman, 2006, ms. 35), pencapaian wanita hendaklah didasari dengan ilmu *naqliyyah* dan *'aqliyyah* agar imannya bertambah kukuh, boleh beramal soleh sesuai dengan kemampuan, kebolehan dan kecenderungannya serta cemerlang akhlaknya. Wanita yang berjaya lebih terdedah dan memahami gaya hidup masa kini. Mereka juga tahu menilai kesesuaian gaya hidup tersebut untuk diterapkan kepada keluarganya. Syarifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsi (dipetik dalam Siti Fatimah Abdul Rahman, 2006, ms. 44), penguasaan ilmu, kemahiran dan pengalaman telah membuka ruang dan peluang sara hidup kepada wanita. Dalam perkembangan dunia hari ini, penguasaan wanita ini tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang pelik atau negatif sekiranya mereka tergolong di kalangan yang 'berjaya', yakni yang bekerja tetapi kerjayanya menyumbang kepada kebahagiaan rumah tangga dan bukan sebaliknya.

Justeru, keterlibatan wanita dalam pelbagai lapangan kehidupan seharian boleh membawa perubahan dalam struktur masyarakat dan juga nilai hidup. Pencapaian wanita yang cemerlang dalam arena pembangunan negara amat diperlukan untuk meningkatkan lagi status wanita yang telah diiktiraf oleh Islam serta memajukan potensi diri sebagai insan intelak dan muslimah sejati.





1.2 Latar Belakang Kajian

Wanita adalah ciptaan Allah SWT yang paling istimewa kerana sifat seseorang wanita yang penuh dengan kelembutan, keayuaan dan kesopanan. Yasmin Hanani Mohd. Safian (dipetik dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, 2011, ms. 111), wanita ialah makhluk ciptaan Tuhan yang dianugerahkan dengan segala kecantikan dan sifat-sifat tersendiri yang berbeza dengan kaum lelaki. Keistimewaan yang terdapat pada wanita telah menjadikan mereka umpama tiang dalam sesebuah institusi keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita menjadi model dalam membentuk sebuah generasi yang cemerlang. Dari persektif agama, Islam telah mengangkat darjat wanita kepada kehormatan, kemajuan dan perlindungan. Dalam hasil kerja Hamidah Sulaiman (dipetik dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, 2011, ms. 41-42) menunjukkan bahawa Islam telah memberi perhatian yang optimum dalam isu pembentukan jati diri wanita dari segi individu, rumah tangga dan sosial agar mereka menjadi wanita yang hebat dan layak menjadi khalifah di muka bumi ini. Kini, wanita semakin mengorak langkah ke hadapan dan kecemerlangan mereka dalam pelbagai lapangan semakin diakui.

Sehubungan dengan itu, perhatian Islam terhadap wanita sangat tinggi dan dibawa ke kedudukan yang mulia. Wanita diberi keistimewaan dalam merealisasikan impiannya. Sejarah memaparkan bahawa wanita banyak memberi sumbangan dan khidmat kepada masyarakat dalam semua aspek kehidupan. Malaysia sebagai sebuah negara membangun, memandang tinggi kepada keupayaan kaum wanita. Abd. Rahim Abd. Rashid (2011, ms. 5), perubahan *mindset* masyarakat, khususnya lelaki terhadap wanita mendorong kepada liberalisasi sosial dan budaya terhadap wanita yang membolehkan wanita Asia dan wanita Melayu mencapai perubahan dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Dominasi lelaki, faktor budaya dan faktor biologi yang merupakan faktor penghalang kepada kemajuan dan





perubahan wanita semakin luntur dan tidak lagi berpengaruh disebabkan timbulnya kebangkitan ideologi kebebasan dan keterampilan wanita era baharu. Kedudukan wanita di Malaysia dari segi sosial, ekonomi, politik dan kerjaya adalah jauh lebih baik dan selesa berbanding dengan negara jiran dan negara-negara Asia yang lain. Kejayaan yang dicapai oleh negara dari segi memartabatkan kedudukan dan imej wanita mendorong kepada keterampilan wanita di negara ini dalam pelbagai bidang. Pernyataan ini menunjukkan wanita era kini lebih berwibawa dalam menghadapi perubahan dan cabaran. Mereka juga bersifat progresif, dinamik dan kreatif yang menjadi penentu kejayaan dalam bidang kerjaya serta kehidupan umumnya.

Dalam bidang penulisan pula wanita turut memainkan peranan mereka sebagai individu yang kreatif serta boleh melahirkan buah fikiran masing-masing demi kemajuan negara. Sejarah membuktikan penulis-penulis wanita Malaysia telah mula berkarya dalam genre cerpen, puisi dan rencana sebelum menulis novel sejak dekad 20-an. Kebanyakan penulisnya ialah guru-guru wanita seperti Ibu Zain Sulaiman, Hafsa Ya'kob, Rahmah bin Muhamad Zain dan Fatimah Yakob. Mereka kebanyakan menulis tentang kepentingan pendidikan kepada anak lelaki dan perempuan, kepentingan kesihatan dan kebersihan, membina sifat positif demi kemajuan tanah air. Isu-isu tersebut merupakan persoalan semasa. Salinah Siabu (1991, ms. 57) bagi kaum wanita, pendidikanlah yang menjadi alat utama untuk menyedarkan mereka. Pelajaran merupakan isu yang paling kerap dibicarakan kerana masih ramai ibu bapa ketika itu belum mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pelajaran terutama anak-anak perempuan mereka.





Dari perspektif sejarah perkembangan sastera Malaysia, penglibatan novelis wanita dalam menghasilkan novel jauh lebih lambat dari novelis lelaki Malaysia yang awal. Jika kita menerima *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Syeikh al-Hadi sebagai novel Melayu terawal yang dihasilkan pada tahun 1925-26 maka novelis wanita hanya menghasilkan novel pada tahun 1940-an. Hakikatnya, ada banyak faktor yang menghambat wanita menghasilkan novel pada ketika itu. Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 69), bidang penulisan di Malaysia juga dikuasai oleh lelaki kerana tidak ramai wanita yang menceburkan diri. Hal ini ada hubung kaitnya dengan taraf pendidikan yang dimiliki oleh wanita Melayu. Seperti juga di Barat, wanita Melayu pada peringkat awal tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan secara formal sebagaimana lelaki. Ungku Maimunah (dipetik dalam Membunga@Siti Meriam Yaacob, 2010, ms. 70) dalam tahun 1986 telah mencatat bahawa hanya 10 peratus sahaja penulis wanita yang aktif berbanding penulis lelaki.



Dalam konteks perkembangan novel Melayu di Malaysia, konsep novel ini telah berubah sesuai dengan transformasi waktu, keadaan dan perkembangan pemikiran masyarakat Melayu yang unik dan kaya dengan tradisi cerita rakyat, seperti cerita lipur lara dan hikayat-hikayat Melayu sebagai hasil pengaruh daripada fenomena persekitaran. Sahlan Mohd. Saman dan Che Abdullah Che Ya (dipetik dalam Sahlan Mohd. Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005, ms. 123), novel ialah bentuk cereka yang menggambarkan sifat realiti objektif tentang kehidupan manusia dalam pemilihan watak, latar, tema dan sesuatu corak pemikiran yang jelas dan rasional. Selain itu, novel juga masih terikat dengan bentuk cereka Melayu dalam ciri hikayat dari sudut prinsipnya terutama dalam plot dan teknik penceritaannya. Konsep novel ialah cereka yang selalunya memiliki tema berunsur didaktik atau pengajaran yang jelas dan dihantar dalam teknik yang masih terikat secara tidak





langsung kepada ciri-ciri cerita klasik atau hikayat Melayu, terutamanya pada novel pra Perang Dunia Kedua. Novel Melayu yang terawal seperti *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) oleh Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid, *Kecurian Lima Million Ringgit* (1922) oleh Haji Muhammad bin Muhammad Said dan *Hikayat Faridah Hanum* (1925/1926) oleh Syed Sheikh al-Hadi yang langgam penceritaannya cereka klasik Melayu seperti hikayat dan cerita lipur lara. Ketiga-tiga buah novel ini ditulis oleh penulis-penulis lelaki.

Rosnah Baharudin (dipetik dalam Siti Khariah Mohd Zubir, 2009, ms. 1), penglibatan golongan wanita dalam bidang penulisan di Semenanjung Tanah Melayu bermulanya Penerbitan Majalah *Bulan Melayu*. Majalah ini pertama kali terbit pada bulan Jun 1930 di Johor Bahru. Siti Khariah Mohd Zubir (2009, ms. 1), kemunculan penulis wanita dalam bidang novel dapat dikesan pada tahun 1940-an. Pada tahun tersebut, tampil dua penulis wanita yang mula menceburkan diri dalam penulisan novel, iaitu Rafiah Yusuf yang mencipta novel *Cerita Budiman* (1941) dan A. Kamariah dengan novelnya yang berjudul *Dua Pengembara* (1941). Pada tahun 1942 hingga 1947 tiada seorang pun penulis wanita yang menghasilkan karya kerana meletusnya Perang Dunia Kedua. Setelah tamatnya peperangan, penulis-penulis wanita ini kembali aktif menghasilkan karya seperti novel *Cincin Kahwin* (1948) oleh Jahlelawati, Kamariah Saadon dengan novel *Panggilan Ibunda* (1948), Adibah Amin dengan novel *Gadis Sipu* (1949) dan *Puteri Asli* (1949) serta Kalsom Saadon dengan novelnya *Jiwa Kebangsaan* (1950). Pada tahun 50-an, didorong atas rasa ingin menulis tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan wanita maka penulis-penulis wanita seperti Adibah Amin, Anis Sabirin, Salmi Manja, Hamidah Hassan dan Hamsiah Abdul Hamid giat berkarya dan mereka telah menulis novel.





Pada dekad 60-an pula telah menyaksikan kegemilangan penghasilan novel kerana sebanyak 236 buah novel telah diterbitkan hasil karya beberapa novelis wanita seperti Khadijah Hashim, Adibah Amin, Hamidah Hassan dan Salmi Manja. Kehadiran mereka sangat penting dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Malaysia khususnya novel. Hal ini kerana selepas itu terdapat beberapa orang di kalangan penulis-penulis wanita ini terus menghasilkan novel sehingga sekarang. Dekad 60-an itu juga merupakan landasan untuk novelis wanita terus berkarya sehingga kini serta kebanyakan mereka sebelum menjadi novelis telah pun bergiat dalam menghasilkan cerpen dan drama yang tersiar di dalam akhbar, majalah atau pun radio.

Antara faktor-faktor yang mendorong kemunculan novelis wanita dekad 60-an adalah kerana penggunaan bahan bacaan bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah termasuklah novel-novel Melayu setelah bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, kemunculan penerbit-penerbit yang menggalakkan pengarang-pengarang menghantar manuskrip novel mereka, penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956 yang menjalankan peraduan atau sayembara penulisan novel pada tahun 1958, 1962 dan 1967, merealisasikan hasrat penulis-penulis wanita memaparkan imej wanita yang positif dalam karya mereka, penulis-penulis wanita juga memaparkan masalah dan isu yang berkaitan wanita sebagai bahan perbincangan dalam karya-karya dari kaca mata pengarang wanita serta mudah difahami.

Siti Khariah Mohd Zubir (2009, ms. 3), pada dekad 60-an ada seorang penulis wanita yang sangat prolifik dalam penghasilan novel. Penulis ini ialah Salmi Manja yang menghasilkan enam buah novel yang mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Kecenderungan Salmi Manja mengupas soal-soal ini menyebabkan dia merupakan novelis





yang paling lantang mendedahkan masalah-masalah wanita. Pada tahun-tahun 70-an, penghasilan novel semakin rancak dan menggalakkan dengan kemunculan novelis-novelis seperti Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi, Fatimah Busu, Azmah Nordin dan ramai lagi. Menjelangnya tahun 80-an dan 90-an, semakin banyak novel yang dihasilkan oleh penulis-penulis wanita serta karya-karya mereka mengutarakan pelbagai tema seperti korporat, politik, kemasyarakatan dan agama. Novelis wanita terus berkarya sejak dekad 60-an sehingga kini seperti Khadijah Hashim dan Zaharah Nawawi. Selain itu, Fatimah Busu juga seorang novelis yang masih lagi berkarya sejak dekad 70-an. Pada dekad 80-an, muncul nama-nama novelis wanita seperti Rosmini Shaari, Azmah Nordin, Siti Zainon Ismail, Obasiah Haji Osman, Rahmah G. Ibrahim dan Zurinah Hassan yang sama-sama memeriah dunia penulisan tanah air.



Di samping itu juga, cerpen yang merupakan hasil seni yang terucap dalam bentuk paling ringkas dan padat turut ditulis oleh penulis-penulis wanita. Sahlan Mohd. Saman (dipetik dalam Sahlan Mohd.Saman dan Shaiful Bahri M. Radzi, 2005, ms. 103), cerpen sememangnya baru dalam dunia persuratan Melayu – namanya baru, asalnya juga daripada tradisi penulisan Barat iaitu *short story*. Tetapi daripada segi isi atau kandungan serta struktur cerita, cerpen bukanlah sesuatu yang baru atau asing. Berdasarkan akronimnya, cerpen merupakan sebagai cereka pendek. Apa yang dimaksudkan pendek itu ialah plot atau jalinan peristiwa yang relatif mudah serta sedikit berbanding novel. Jumlah watak sebuah cerpen juga tidak seramai jumlah watak dalam novel. Sebagai sebuah genre sastera, cerpen memiliki ciri-ciri sendiri. Hashim Awang (1998, ms. 1), cerpen ialah bentuk cereka naratif yang pendek dan padat. Ia mengisahkan tentang manusia atau manusia dilihat dalam diri haiwan, yang amat kecil bilangannya-satu atau dua orang sahaja. Manusia ini bergelut dalam hanya suatu konflik dan peristiwa paling dasar, yang darinya terlahir suatu gambaran suasana





dan kesan tunggal khusus yang mantap. Dalam keterbatasan pada pengisahan dan ruang ini, cerpen masih mampu untuk mengungkapkan persoalan dan keindahan.

Othman Puteh (dipetik dalam Hamzah Hamdani dan Siti Aisah Murad, 2004, ms. 155), dari aspek sejarahnya di tanah air kita cerpen merupakan bentuk kesusasteraan baru (moden) yang terawal hadir. Sahlan Mohd. Saman (dipetik dalam Sahlan Mohd.Saman dan Shaiful Bahri M. Radzi, 2005, ms. 103), sejarah sastra kita mencatat bahawa cerpen pertama kalinya, terbit pada tahun 1920 hasil tulisan Nor bin Ibrahim Al-Madrasi, dalam majalah *Pengasoh* bertarikh 4 Februari 1920 dengan judul “Kecelakaan Pemalas”. Cerpenis wanita awal dikesan pada tahun 1934 yang ditulis oleh Hafsah yang berjudul *Kesedihan Kahwin Paksa* yang tersiar dalam majalah *Pemimpin Melayu*. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 60), walaupun pada dekad 1930-an itu wanita telah mula berkarya, malahan wanita juga menerbitkan majalah mereka sendiri seperti *Bulan Melayu* (1930-41), tetapi bilangan cerpenis wanita yang berkarya sangat terhad.

Rata-ratanya cerpenis wanita sebelum merdeka tidak banyak berkarya dan bilangan mereka juga amat sedikit jumlahnya. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 60), antara yang pernah menulis cerpen ialah Siti Nurmah, Zawiah Ali, Sharifah Fatimah Khalid, Jamilah Omar Khan, Cik Wok Ipoh, Cik Masning bt. Kemas Hj. Osman, Wok Jamilah, Putih Arifin, P. Pinang, Khadijah bt. Abdullah, Rehan Hanom Dadamiah dan Rabiah bt. Ramli. Tidak banyak yang diketahui





tentang para penulis ini kerana latar belakang diri mereka tidak banyak tercatat. Antaranya mungkin kerana mereka bukan terdiri daripada golongan yang prolifik menghasilkan karya.

Bertitik tolak dari itulah sehingga Perang Dunia ke-2, penulis-penulis wanita telah menghasilkan cerpen yang tersiar dalam majalah-majalah semasa pada ketika itu seperti *Bulan Melayu*, *Tanah Melayu*, *Dewan Perempuan*, *Warta Jenaka*, *Majalah Cerita*, *Majalah Guru dan Utusan Zaman*. Pada dekad 40-an, penyertaan wanita dalam bidang cerpen bertambah subur berikutan pertumbuhan Singapura sebagai pusat perkembangan sastera Melayu ketika itu. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 60), antara faktor yang turut merancakkan pertumbuhan genre cerpen khususnya ialah banyaknya penerbitan majalah popular seperti *Mingguan Melayu* (1952-53), *Fashion* (1953-68) dan lain-lain lagi. Antara cerpenis wanita yang menyerlah kerana menghasilkan lebih daripada sepuluh buah cerpen ialah Kamariah Saadon yang menggunakan nama pena Qamar atau Kamariah Johor, adiknya Kalsom Saadon dengan nama pena Rayuan Sukma dan Jahlelawati. Ketiga-tiga mereka merupakan antara cerpenis wanita yang prolifik pada dekad 1940-50-an serta pernah menghasilkan sebuah novel.

Penghasilan cerpen ini semakin rancak setelah negara mencapai kemerdekaan. Rosnah Baharudin (dipetik dalam Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor dan Rosnah Baharudin, 2000, ms. 61), selepas merdeka pada 1957 kegiatan wanita dalam bidang cerpen terus dikukuhkan dan semakin ramai pengarang yang terus berkarya. Antara yang paling menyerlah ialah Zaharah Nawawi yang mula menulis sejak 1952, Khadijah Hashim yang mula berkarya sejak 1960-an, diikuti ramai cerpenis lain seperti Anis Sabirin, Rokiah Abu





Bakar, Rogayah Hamid, Siti Aisah Murad, Siti Zainon Ismail, Siti Hadiah, Azmah Nordin dan lain-lain lagi. Pada dekad 90-an, bilangan cerpenis yang berjaya menghasilkan kumpulan cerpen perseorangan telah menjadi bukti penglibatan wanita dalam bidang ini sehingga menarik minat ramai penulis-penulis wanita dari Sabah dan Sarawak. Cerpenis wanita ini mula menceburkan diri dalam bidang sastera dengan menulis cerpen sebelum menulis novel kemudiannya.

Penulis-penulis wanita terus berkarya untuk mengangkat wanita sebagai watak utama dan kisah, isu serta masalah wanita sebagai tema dan persoalan sehingga dekad mutakhir ini. Mereka telah mula memecah tradisi penulisan yang berdasarkan imaginasi atau pengalaman sendiri sahaja. Ungku Maimunah (dipetik dalam *Membunga @ Siti Meriam Yaacob*, 2010, ms. 70-71), watak wanita yang ditampilkan oleh penulis lelaki tidak memainkan peranan penting dan seringkali dicerminkan prasangka-prasangka negatif terhadap wanita. Keadaan ini telah mendorong penulis wanita Melayu membina imej wanita yang berbeza dengan stereotaip penulis lelaki. Mereka meneroka cara baru berkarya, iaitu membuat penyelidikan sebelum menghasilkan karya dan novel berdasarkan bahan-bahan yang telah dikumpul serta diteliti.

Siti Hajar Che Man (2007, ms. 49), secara umum, kebanyakan karya yang tertulis sekitar tahun 1920-an hingga awal 1990-an ditulis dan dikuasai oleh pengarang lelaki. Karya yang dihasilkan mengutarakan isu yang berkaitan dengan keinginan wanita seperti persoalan gender, keperkasaan, identiti, kebebasan, keganasan rumah tangga, gangguan seksual, diskriminasi dan hak wanita. Monopoli oleh pengarang lelaki ini begitu menonjol berbanding dengan pengarang wanita. Perkara ini tidak menjadi persoalan yang besar kerana masyarakat





feudal pada masa itu mengamalkan sistem patriarki. Implikasinya, sistem ini telah menjadi penghalang kepada wanita untuk muncul sebagai penulis. Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 70), faktor agak penting yang turut menyumbang ke arah kecilnya jumlah penulis wanita ini ialah mereka tidak lagi aktif setelah mendirikan rumah tangga. Maka, wanita menjadi konsumer kepada karya penulis lelaki dan seterusnya turut membaca seperti lelaki. Permasalahan ini berlaku dalam satu tempoh masa yang lama dan setelah munculnya penulis wanita tetapi karakter wanita masih lagi digambarkan mengikut pandangan dari sudut penulis lelaki. Oleh itu, muncul watak wanita yang stereotaip hasil penulisan wanita sendiri. Namun kemunculan penulis-penulis wanita telah membawa perubahan dengan menggambarkan watak-watak wanita yang positif. Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2010, ms 71), penulis seperti Fatimah Busu, Khadijah Hashim, Adibah Amin, Azmah Nordin dan sebagainya cuba membawa perubahan ini dengan mengemukakan karakter wanita yang berprinsip, berperibadi, cekal, mampu berdikari dan tidak gentar dengan karenah lelaki.

Perubahan dan kesedaran ini telah membawa penglibatan wanita dalam dunia penulisan adalah amat menggalakkan dengan kemunculan nama-nama yang begitu terkenal seperti Azmah Nordin, Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Rosmini Shaari, Nisah Haron, Khadijah Hashim, Fatimah Busu, Zaharah Nawawi, Aminah Mokhtar, Adibah Amin, Siti Jasmina Ibrahim, Nurull Halawati, Norhayati Berahim, dan ramai lagi yang mewarnai persada dunia penulisan di tanah air kita ini. Ekoran daripada ini, bidang penulisan semakin berkembang di tangan pengkarya-pengkarya muda yang mengutarakan pelbagai tema seperti dunia korporat, arus politik, tema-tema kemasyarakatan dan agama. Perkembangan novel-novel Melayu ini semakin meningkat kualitinya sesuai dengan arus perubahan yang melanda negara kita khususnya dan dunia amnya.





Selain itu juga, perubahan ini membuktikan penulis-penulis wanita telah berjaya menceburi bidang penulisan yang pada asalnya didominasi oleh penulis lelaki. Daripada tinjauan didapati bahawa karya kesusasteraan wanita mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini kerana penulis wanita lebih gemar memilih tema yang berkaitan dengan masalah mereka sendiri, karya-karya penulis wanita sering meningkatkan imej wanita di mata masyarakat, penulis wanita lebih gemar memilih watak utama yang terdiri daripada wanita sendiri, watak wanita yang dipilih adalah beraneka ragam dan penulis wanita juga akan menghuraikan watak wanita dengan lebih teliti. Penyenaraian di atas telah menyokong keistimewaan penulis-penulis wanita di Malaysia. Julie Rivkin dan Michael Ryn (2004, ms. 769), *feminist literary criticism moves with time from the criticism of writing by men and the exploration of writing by women to a questioning of what it means at all to engage with or in language*.



Menelusuri pergerakan pembebasan wanita atau kesedaran wanita telah bermula di Eropah sejak abad ke-16 lagi yang menganggap kononnya selama ini mereka telah ditindas, dianiaya dan terpinggir oleh kekuasaan patriarkal. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, ms. 1150), *patriark* bermaksud lelaki yang menjadi ketua sesuatu keluarga atau suku kaum. *Patriarki* pula bermaksud sistem masyarakat yang sebahagian besar kekuasaannya dipegang oleh kaum lelaki. Menurut Ann B. Dobie (2002, ms. 113), *patriarchy – a social system that is headed and directed by male*. Charles E. Bressler (1994, ms. 104), *patriarchal – that is, they are controlled by males*. Jeremy Hawthorn (1994, ms. 212), *patriarchy thus has political, economic, social and ideological dimensions. Much recent FEMINIST literary criticism has aimed to uncover patriarchal ideas in WORKS of literature as well as in the systems surrounding these works: education, publishing, journalism, reviewing, and the general 'systems of literary production' specific to different CULTURES and societies*. Ross





Murfin dan Supryia (2009: 372), *patriarchal – A term used by feminist critics to describe the structuring of society on the basis of “father-rule”, or paternal authority, and the concomitant marginalization or subordination of women.*

Oleh itu mereka telah bangun dan bersuara untuk memperjuangkan nasib wanita serta menuntut haknya. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 24), feminisme muncul pada ketika itu sebagai satu cara untuk individu menonjolkan sokongan mereka kepada wanita bagi menuntut hak autonomi mereka. Walau bagaimanapun, setelah beberapa abad, hak peribadi wanita dan peranan umum telah berkembang dan berubah. Pergerakan feminisme telah meluaskan aktivitiya termasuklah dalam bidang pelajaran, politik, kebudayaan, ekonomi, bangsa dan etika. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 25), ...wanita tidak berdiam diri terhadap diskriminasi yang menekan mereka lantas mendesak untuk mendapatkan persamaan hak dalam semua aspek. Desakan mereka ini berubah secara beransur-ansur menjadi suatu revolusi yang lebih radikal, seperti menghapuskan sistem kekeluargaan, meminta gaji untuk suri rumah tangga dan mengatakan tanggungjawab penjagaan anak adalah tanggungjawab awam.

Pergerakan feminisme ini muncul di Barat bermula apabila sejarah masyarakat Barat yang memandang rendah kepada wanita. Selain itu juga, masyarakat Barat berasa kecewa kerana kitab suci mereka, iaitu Bible yang turut menyatakan wanita itu jelmaan syaitan dan wanita merupakan ciptaan yang tidak sempurna. Butiran yang terdapat dalam Bible menyebabkan pihak gereja turut merendahkan wanita pada masa itu. Mana Sikana (2005, ms. 282) daripada aspek agama, wanita juga dikatakan mewarisi *original sins* yang menyebabkan manusia terlempar ke dunia dan melahirkan konsep misogini, bahawa wanita itu adalah setan





betina yang harus dihindari. Penentangan terhadap pihak gereja telah dilakukan dalam Revolusi Perancis (1789). Perjuangan kebebasan atas dominasi gereja dan Raja juga memberi pengaruh yang besar pada pergerakan wanita dalam masyarakat Barat. Wanita berjuang dalam gerakan politik di tengah-tengah pemberontakan rakyat berdasarkan kebebasan (*liberty*), persamaan (*equality*) dan persaudaraan (*fraternity*). Bermula daripada peristiwa itu maka muncullah gerakan wanita yang menuntut persamaan hak dengan lelaki.

Selain itu juga, pergerakan wanita ini juga cuba menyakinkan masyarakat Barat bahawa Bible bukanlah kata-kata Tuhan tetapi sekadar maklumat tentang sejarah serta cerita yang ditulis oleh lelaki menyebabkan wanita tidak perlu mengikuti ajaran Bible itu. Gerakan pembaharuan intelektual *Renaissance* di Barat memberi pengaruh yang cukup kuat terhadap pergerakan feminisme dan kesamaan gender. Di samping itu, golongan feminisme turut mengembangkan konsep persamaan gender yang bermula dari ajaran persamaan (*equality*) dalam semua hal yang berlaku di masyarakat Barat sehingga membawa kepada kemunculan Teori Feminisme radikal yang menuntut persamaan hak antara lelaki dan wanita serta juga hak-hak seksual. Namun dapat dibuat kesimpulan bahawa tuntutan kebebasan wanita dan persamaan gender tersebut hanya sesuai untuk masyarakat di Barat yang mempunyai sejarah penindasan terhadap wanita. Pergerakan ini tidak sesuai bagi masyarakat yang menghargai wanita seperti orang-orang Islam yang mempunyai ajaran dan tradisi memuliakan seseorang perempuan itu.





Pada masa ini, gerakan feminisme telah menjalar ke serata dunia seperti di Eropah dan negara-negara Islam. Agenda utama perjuangan pergerakan ini adalah berusaha menaikkan taraf wanita dari segi politik, keadilan sosial, ekonomi dan status wanita dalam masyarakat. Salinah Siabu (1991, ms. 57), di Eropah khasnya pada dekad 1960-an adalah masa berlakunya perubahan budaya, sosial dan politik yang pantas yang menimbulkan gejala ketegangan atau tekanan di kalangan masyarakat. Ekoran itu, wujudlah pergerakan feminis dan pergerakan yang lain seperti pergerakan yang memperjuangkan kaum kulit hitam, pergerakan *hippie* dan sebagainya.

Kaum wanita juga menyedari bahawa pendidikan merupakan alat utama untuk membangkitkan kesedaran di kalangan mereka. Oleh itu, golongan wanita kelas pertengahan di Britain berjuang untuk mendapatkan pendidikan sama seperti kaum lelaki. Persepsi wanita tentang ideologi kejantinaan ini berkembang secara perlahan setelah mereka tamat belajar di universiti dan memasuki dunia pekerjaan pada tahun 1960-an yang mendapati bahawa wujudnya diskriminasi dari segi upah, tiada jaminan dalam pekerjaan, pengasingan jenis pekerjaan berdasarkan jantina (*job discrimination*) dan sebagainya. Fenomena ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan wanita yang bekerja kerana masalah kejantinaan ini ada hubungan dengan ketidakseimbangan atau ketidaksamarataan di antara lelaki dan perempuan. Paling utama timbul kesedaran bahawa status wanita adalah lebih rendah berbanding dengan lelaki. Perbezaan biologi telah membuka peluang kepada lelaki untuk menguasai serta memerintah kaum wanita. Oleh itu, golongan feminis menganggap lelaki sebagai musuh dan persepsi negatif mereka bahawa wanita sebagai ‘manusia yang sentiasa ditindas serta dianiaya oleh sistem kuasa lelaki.





Kemunculnya pergerakan feminisme di Barat yang mempunyai dua tujuan utama, iaitu mengubah persepsi sendiri wanita, setiap individu wanita adalah bebas untuk berkembang dan mencapai kewujudan sendiri walau apa sahaja keadaan persekitaran mereka. Kedua, mahu mengubah syarat institusi serta masyarakat yang membawa kepada persamaan dalam jantina. Salinah Siabu (1991, ms. 57), tepatlah sebagaimana kata Allan Bloom bahawa perubahan dalam hubungan jantina datang dalam dua gelombang iaitu yang pertama ialah revolusi seks yang dikaitkan dengan kebebasan; dan kedua, feminisme yang berkaitan dengan kesamarataan. Akhirnya, perjuangan pergerakan feminisme ini membawa kepada dunia sastera dan melahirkan teori sastera dengan berdasarkan idealisme feminis.

Dalam bidang kesusasteraan, generasi “pengkritik wanita” ini mula wujud pada tahun 1970-an yang dikenali sebagai *feminist critics*. Salinah Siabu (1991, ms. 57), pendekatan feminis dalam kesusasteraan juga adalah sebahagian daripada persepsi sosial. Mereka mendapati bahawa pengalaman kebanyakan wanita dalam sesuatu budaya itu adalah disusun atur oleh lelaki dan untuk lelaki. Siti Khariah Mohd Zubir (2009, ms. 9), dalam usaha memperjuangkan kesamarataan dan keadilan dalam sastera telah lahir pada awal tahun 1970-an suatu golongan “pengkritik wanita” (*feminist critique*) yang menjadi satu aliran tersendiri secara umumnya mempersoalkan orientasi dan pandangan berat sebelah kaum lelaki yang dikatakan menjadi dasar kepada perbincangan teks dan pembacaannya. Penentangan “pengkritik wanita” dalam tradisi kritikan kesusasteraan kerana kajian kesusasteraan hanya dilakukan ke atas karya-karya yang dihasilkan oleh penulis lelaki yang menekankan bahawa wanita adalah sama sahaja dalam budaya yang ketat serta keadaan sosial yang tegang ini. Dalam hal ini, kritikan yang dilakukan adalah bercorak tematik, iaitu hanya memberi fokus kepada penindasan kaum wanita sebagai tema karya mereka. Mereka juga mengandaikan





bahawa pembaca wanita adalah sebagai pengguna kepada hasil karya mereka. Situasi ini membolehkan penekanan serta penindasan turut berlaku dalam kesusasteraan. Perkara ini menyebabkan karya yang dihasilkan oleh wanita dan budaya lisan wanita sering dianggap sebagai kesusasteraan pinggiran sahaja. Salinah Siabu (1991, ms. 58), jelas bahawa para “pengkritik wanita” ini mempersoalkan tentang pandangan masyarakat umum yang lebih memberi penekanan kepada lelaki yang dikatakan menjadi dasar kepada perbincangan dan pembacaan teks atau karya sastera. Kritikan feminisme atau “pengkritik wanita” berpendapat wanita terperangkap dalam kekuasaan serta penindasan lelaki. Sebagai pembaca, wanita tanpa disedari telah dipengaruhi untuk membaca seperti lelaki.

Elaine Showalter (dipetik dalam Philip Rice dan Patricia Waugh, 1992, ms. 92):

Feminist criticism can be divided into two distinct varieties. The first type is concerned with women as reader – with women as the consumer of male-produced literature, and with the way in which the hypothesis of a female reader changes our apprehension of a given text, awakening us to the significance of its sexual codes. I shall call this kind of analysis the feminist critique, and like other kinds of critique it is a historically grounded inquiry which probes the ideological assumptions of literary phenomena. Its subjects include the images and stereotypes of women in literature, the omissions and misconceptions about women in criticism, and the fissures in male-constructed literary history. It is also concerned with the exploitation and manipulation of the female audience, especially in popular culture and film; and with the analysis of women-as-sign in semiotic systems.

Antara faktor yang menyebabkan munculnya kritikan feminisme ini adalah daripada andaian bahawa masyarakat secara umumnya menerima patriarkal sebagai sesuatu yang melambangkan budaya mereka. Siti Hajar Che Man (2007, ms. 5), sememangnya saudara feminis di Barat menentang patriarkal yang dianggap sebagai dominasi lelaki dan wanita disubordinat. Inilah yang ditentang oleh feminis Barat sehingga di kalangan mereka memandang lelaki sebagai musuh dan suara wanita adalah suara wanita yang teraniaya.





Sebenarnya, definisi patriarki ialah lelaki sebagai ketua keluarga. Dalam Islam lelaki merupakan pemimpin atau ketua kepada wanita sebagaimana yang terdapat dalam Surah al-Nisa', ayat 34 yang bermaksud: *Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan kerana mereka telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.* Ayat al-Quran ini menyebut lelaki sebagai pemimpin wanita adalah sesuatu yang jelas. Oleh itu sebagai seorang Islam, wanita-wanita perlu mengakui ketentuan Allah SWT dan jangan mempertikaikannya hanya kerana mahu memperjuangkan pergerakan wanita yang ekstrem serta mendukung ideologi Barat.

Dalam aspek kritikan sastera dari perspektif feminis telah wujud ideologi yang menjadi pegangan mereka untuk memperjuangkan wanita. Salinah Siabu (1991, ms. 58), “pengkritik wanita” berpendapat bahawa wanita sepatutnya bertindak untuk menegakkan identiti kewanitaan mereka; malahan hal inilah sebenarnya yang mereka perjuangkan dalam kesusasteraan. Sehubungan itu, empat orang pengkritik yang terkemuka, iaitu Ellen Moers, Patricia Meyer Spacks, Elaine Showalter dan Florence Howe mula mengembangkan aspek kewanitaan kepada kesusasteraan lelaki.

Wong Soak Koon (1992, ms. 53), dalam kritikan wacana (termasuk kesusasteraan) daripada perspektif feminisme, Elaine Showalter membahagikan kepada dua bahagian. Pertama *feminist critique*, iaitu memfokuskan wanita sebagai pembaca serta pengguna (*consumer*) karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki. Pengkritik yang mengamalkan *feminist critique* cuba mendedahkan andaian yang berdasarkan ideologi dalam fenomena sastera.





Kedua, *gynocritics* yang memberi perhatian wanita kepada wanita sebagai penulis, iaitu “wanita sebagai penghasil maklumat tektual. Tumpuan lebih diberikan kepada sejarah, tema, genre, struktur dalam karya yang ditulis oleh kaum wanita. Selain itu, isu yang dikaji dalam *gynocritics* melibatkan psikodinamik dalam daya cipta wanita, linguistik, dan masalah membina suatu “bahasa” wanita, juga perhubungan antara kerjaya seseorang penulis wanita dengan aspirasi secara kolektif.

Hakikatnya, perjuangan feminisme di Barat adalah berbeza dengan Islam yang memandang wanita sebagai insan mulia. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari (2011, ms. 180), metod pertengahan yang diambil oleh Al-Qardhawi ialah metod yang diketengahkan oleh al-Quran dan al-Sunah itu sendiri, yang berinteraksi dengan wanita sebagai manusia, wanita, anggota yang bergiat aktif dalam masyarakat, isteri dan juga anak perempuan. Oleh itu, Islam meletakkan wanita sebagai sebahagian daripada asas penting dalam pembentukan masyarakat dan bukannya ditindas seperti yang diperjuangkan di Barat. Kedatangan Islam telah mengubah persepsi terhadap wanita yang selama ini ditindas, diperalatkan, dipandang rendah, membawa kecelakaan dan sebagainya. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 23), Islam meletakkan wanita dalam tiga kategori penting mengikut keupayaannya, iaitu sebagai ibu, isteri dan anak perempuan. Ibu diletakkan di tempat yang paling tinggi selepas Allah dan Rasul-Nya. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman, 1997, ms. 165), dalam konteks masyarakat Melayu, seorang wanita yang bergelar sebagai ibu itu mendapat kedudukan yang tinggi dan dihormati. Masyarakat memberi penghormatan yang berbeza apabila seorang itu bergelar ibu. Wanita itu dianggap lebih matang dan dewasa. Wanita Melayu menganggap kesulitan semasa hamil dan





melahirkan anak adalah lumrah kehidupan. Mereka juga menganggap bahawa proses menjadi ibu itu sebagai satu kurniaan Ilahi.

Hanifah binti Uthman (2010, ms. 6), Islam memandang sama rata antara lelaki dan wanita dalam nilai kemanusiaan, begitu pula dengan hak-hak menurut ketentuan hukum pidana (jenayah) dan perdata. Masing-masing harus mendapat perlindungan jiwa, kehormatan, harta dan kebebasan, kecuali apa yang diwajibkan syariat dan *hanif*, tatkala ia melakukan kesalahan dan menyimpang. Di dalam Islam tidak ada diskriminasi antara wanita dan lelaki. Sebenarnya, yang menjadi ukuran di sisi Allah SWT adalah amal soleh. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-Hujurat*, ayat 13 yang bermaksud: *Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling mengenal, sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa di antara kamu, sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal.* Namun begitu, walaupun Islam telah meningkatkan taraf hidup wanita tetapi masih terdapat tugas-tugas yang tidak boleh meletakkan wanita sama taraf dengan lelaki seperti tugas-tugas kepimpinan, kadi, wali, imam di masjid manakala taraf seorang lelaki sebagai saksi menyamai dengan dua orang saksi wanita. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 24), wanita dan lelaki memang dicipta berlainan fisiologinya. Perbezaan bentuk fisiologi antara lelaki dengan wanita menyiapkan kedua-dua makhluk tersebut dengan dua tugas-tugas yang juga berlainan.





Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 71), adalah diakui feminis yang diperjuangkan oleh Barat itu tidak selari dengan perjuangan wanita di Malaysia yang berpegang ajaran Islam dan budaya Timur. Fenomena ini berlaku kerana wanita-wanita di Barat menganggap mereka diletakkan di bawah kekuasaan lelaki. Sebaliknya, situasi ini berlawanan dengan keadaan wanita di Malaysia dan umum mengetahui bahawa pergerakan feminisme di Barat ternyata berbeza dengan pergerakan feminisme di Malaysia khususnya dan di Timur amnya. Siti Hajar Che Man (2007, ms. 4-5), ...definisi feminisme di rantau Asia lebih berfokus kepada keprihatinan terhadap penindasan wanita, eksploitasi tindak balas dan kerjasama antara lelaki dengan wanita untuk mengubah persepsi yang sedia ada. Wanita Malaysia agaknya telah membina pernyataan feminis mereka dalam konteks yang unik memandangkan sifat agrigarian dan kemantapan nilai keagamaan. Agama memainkan peranan yang sangat penting bagi menghalang segala bentuk radikalisme yang menjadi ciri gerakan saudara mereka di Barat. Pendapat ini turut disokong oleh Siti Khariah Mohd Zubair (2009, ms. 11), pergerakan feminisme di Barat tidak sama dengan pergerakan feminisme di Timur khususnya di Malaysia. Wanita Malaysia banyak dipengaruhi oleh budaya dan agama yang mencorakkan peranan tertentu yang perlu dimainkan oleh wanita. Walaupun angin pemodenan bertiup kuat dan mengubah perspektif baru peranan wanita Timur, faktor keagamaan dan kebudayaan menjadi benteng pendidikan wanita tentang kesetiaan, tanggungjawab, nilai hidup, peranan, fungsi dan tugas yang membina yang perlu dipertahankan oleh wanita dalam masyarakat moden.

Wong Soak Koon (dipetik dalam Membunga@Siti Meriam Yaacob, 2010, ms. 71), feminisme di Barat tidak wajar ditiru dengan sewenang-wenangnya. Daripada perspektif Islam, istilah feminisme tidak ada sekiranya ia ditakrifkan sebagai perjuangan wanita yang menuntut keadilan dan kesamarataan. Membunga@Siti Meriam Yaacob (2010, ms. 71),





Islam telah menggariskan dengan jelas peranan dan kedudukan wanita dalam keluarga dan sosial. Islam sememangnya ideal dalam menempatkan wanitanya; individu sebagai pelaksanalah yang telah membelakangkan peraturan ini dan seterusnya mencetuskan ketidaksenangan kepada pihak wanita. Islam tidak pernah memandang wanita sebagai golongan subordinat, meskipun Barat menyalahkan institusi gereja sebagai turut menyumbang ke arah berlakunya ketidakadilan terhadap wanita. Zeenath Kausar (2006, ms. 129), *muslim women should make it clear to the promoters of the feminist culture that they need not have to follow the Western model of empowerment*. Justeru di dalam Islam, perintah Allah SWT. sama ada berbentuk wahyu mahupun al-Sunah tidak pernah membezakan di antara kaum lelaki dengan kaum wanita kecuali di dalam perkara yang melibatkan perbezaan fitrah semulajadi yang terdapat pada dua kaum tersebut.



Wanita-wanita di Malaysia juga tidak ketinggalan memperjuangkan hak wanita untuk meningkatkan taraf dan status wanita. Kewujudan pertubuhan yang memperjuangkan gerakan pembebasan wanita di Malaysia seperti yang terdapat di Barat perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya agar tidak menghancurkan maruah serta status wanita itu sendiri, iaitu dengan merujuk kepada al-Quran, al-Sunah dan pendapat ulama. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 75), keanggotaannya terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat terutamanya daripada golongan profesional dan elit serta bukan daripada kalangan mereka yang berpendidikan agama. Pertubuhan ini mungkin keliru antara pertembungan budaya dan agama, lantas mencampuradukkannya sehingga ia mengelirukan masyarakat.





Sehubungan dengan itu, berpegang kepada tujuan asalnya penubuhan pergerakan feminisme di Malaysia adalah untuk melindungi kepentingan wanita yang semakin terancam, mengalami keruntuhan moral dan akhlak serta kehilangan idelisme dan hala tuju. Oleh itu dapat disimpulkan, perjuangan feminisme di Malaysia lebih kepada satu perjuangan yang sihat, iaitu mahu mengangkat dan membina status, imej dan moral di kalangan semua wanita di negara ini kerana wanita merupakan aset yang amat bernilai serta menjadi penggerak ke arah kemajuan sesebuah negara. Justeru dapat disimpulkan bahawa perjuangan wanita di Malaysia bukanlah bermatlamat untuk berjuang secara agresif seperti di Barat. Mereka hanya mahu menuntut pembelaan agar tidak berterusan ditindas oleh golongan lelaki yang hanya mementingkan diri sendiri. Wanita-wanita di Malaysia berjuang dalam suasana yang lebih harmoni dan hasilnya terbukti bahawa kerajaan berusaha menangani masalah wanita-wanita tersebut dengan pelbagai usaha yang melindungi serta membela mereka.



1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat pelbagai teori yang telah dikemukakan oleh para sarjana. Teori-teori tersebut merangkumi pelbagai aspek yang memerlukan penelitian sehingga berlakunya perkembangan dalam dunia sastera tanah air. Teori Feminisme yang mengkhususkan kepada wanita merupakan satu teori yang begitu penting di Barat percaya bahawa wanita harus mempunyai persamaan ekonomi, politik dan sosial dengan lelaki serta perjuangan ini menular di Timur termasuklah di Malaysia. Perjuangan feminis ini bermula apabila berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789 hingga 1799 dan seterusnya tersebar melalui media cetak serta aktiviti-aktiviti organisasi ke negara-negara lain untuk menuntut pembebasan dan hak yang merangkumi semua aspek kehidupan wanita.





Banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang menyentuh aspek sosial yang meliputi senario di sekeliling kaum wanita. Walau bagaimanapun, perspektif dunia wanita hanya tergambar daripada sudut pandangan feminisme Barat yang asasnya lahir daripada idea-idea persamaan hak dan pembebasan wanita. Feminisme Barat ini membuka satu kerangka yang bersifat *women centric* tanpa menghubungkan dunia wanita itu dengan hakikat sebenar penciptaannya. Feminisme Barat menerokai hanya satu sisi pandangan terhadap wanita dari sudut feminism, sebaliknya Islam mempunyai pandangan yang lebih tuntas dan komprehensif terhadap wanita dalam semua aspek kehidupan terutamanya watak dan perwatakan wanita Melayu Islam. Maka, timbul keperluan untuk menampung kelompangan idea ginokritik serta feminism Barat dalam analisis teks dengan menerapkan idea-idea Islam yang bersesuaian dengan wanita.



Islam mempunyai garis panduan yang jelas berhubung dengan kriteria seorang Muslimah dan Mukminah sejati berpandukan al-Quran, al-Sunah dan pendapat ulama. Wanita dianggap golongan yang tinggi darjatnya dalam Islam. Perwatakan wanita Melayu ini menjadi lebih menarik sekiranya digabungkan dengan elemen-elemen yang ditetapkan oleh Islam. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 23), setelah kedatangan Islam, wanita dimuliakan, dikembalikan haknya yang telah diselewengkan dan wanita diiktiraf oleh lelaki dalam kehidupan. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman, 1997: 159), fungsi biologi dan reproduktif wanita merupakan aspek universal dalam kehidupan wanita, tetapi proses reproduktif wanita bukan hanya melibatkan biologi tetapi dipengaruhi oleh budaya. Budaya Melayu amat berbeza dengan budaya barat, dan persepsi konsep sendiri dan pengalaman wanita mereka sudah tentu berbeza. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengangkat martabat wanita Islam serta menyangkal bahawa Islam merupakan agama yang menafikan peranan serta tanggungjawab seseorang wanita.





Selain itu juga, Teori Feminisme yang dipelopori oleh Barat merupakan sebuah teori yang hanya berorientasikan keadaan hidup masyarakat di Amerika Syarikat, Perancis, Britain, Norway dan sebagainya. Ternyata konsep teori ini tidak ada kesesuaian secara menyeluruh dengan agama Islam serta adat dan budaya Melayu. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit Selat, Hashim Awang, Nor Hisham Osman, 1997, ms. 170), pandangan rendah terhadap domestik dan fungsi reproduktif wanita dalam budaya Barat tidak patut diaplikasikan dalam budaya lain termasuk budaya Melayu. Wanita Melayu Islam di Malaysia perlu berwaspada dengan konsep teori tersebut kerana boleh membawa implikasi yang negatif. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 35), pergerakan ke arah “pembebasan wanita” yang ekstrem sepatutnya diterima secara berhati-hati oleh orang Islam kerana ia boleh memusnahkan rumah tangga dan keluarga yang akhirnya seluruh masyarakat yang akan binasa. Cogan kata palsu tentang “hak wanita” dan “pembebasan wanita” hanyalah topeng untuk melakukan keruntuhan dan kemaksiatan sehingga membawa kepada gejala seks bebas dan sebagainya. Akibat yang paling pasti ialah keruntuhan institusi rumah tangga dan masyarakat. Sejarah tamadun terdahulu telah menjadi bukti sejarah bahawa umat yang buruk akhlaknya tidak akan dapat bertahan lama. Zeenath Kausar (2006, ms. 128):

for the development and empowerment of women across the world, feminist views alone on women's issues cannot be taken as the global views on women's issues. Women movements of the U.S or any of the women's movement of any Western nation cannot be perceived as the global movement for women. The world model for women's empowerment based on a selected Western feminist perspective cannot be accepted as a world model for all women across the world. The United Nations should not impose the Western model of women's empowerment as a global model on other nations and cultures.





Oleh itu, Teori Feminisme ini didapati tidak sesuai dengan persekitaran wanita Melayu Islam di Malaysia kerana mereka terdidik dengan ajaran Islam yang berpegang kepada Tauhid dan menghormati adat serta budaya Melayu.

Di samping itu, Teori Feminisme yang diperkenalkan oleh Barat tidak sesuai untuk diaplikasikan dengan genre sastra terutamanya yang bercirikan keislaman serta dihasilkan oleh pengkarya-pengkarya yang beragama Islam. Karya-karya yang ditulis memaparkan kebaikan serta gambaran idealisme Islam yang penuh dengan kesempurnaan manakala watak-wataknya pula digambarkan dalam bentuk manusia dalam kategori insan Kamil. Hamzah Hamdani (1988, ms. 276), karya sastra yang baik dan berkesan, dapat memberikan satu pandangan yang luas tentang dasar Islam dalam menentukan cara hidup Islam yang berpandukan kepada sistem nilai dan moral kerohaniannya. Genre-genre sastra yang ditulis oleh pengkarya-pengkarya Melayu Islam kerap memaparkan watak-watak wanita yang berbangsa Melayu, di kelilingi oleh budaya serta resam Melayu dan yang paling utama seseorang wanita itu beragama Islam. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 87), tidak dapat dinafikan bahawa Islam telah menjulang tinggi kedudukan, hak dan peranan wanita Muslimah. Mereka terdidik dengan asuhan Islam dan tidak lagi dipandang hina sebagaimana zaman pra-Islam atau diperalatkan sesuka hati di zaman Jahiliah moden. Seorang sarjana Islam, Dr Ibrahim Muhammad al-Jamal menegaskan bahawa Islam telah memelihara wanita dengan penuh kesempurnaan. Mereka telah dilindungi daripada dicemari maruah dan kehormatan mereka. Malah menurut Islam, kesejahteraan dan kesempurnaan sesebuah masyarakat itu bertitik tolak daripada kemurnian peribadi, kedudukan dan hak wanita seperti yang dianugerahkan oleh Islam. Justeru, Teori Feminisme tidak boleh diaplikasikan kepada sesebuah genre sastra yang ditulis oleh pengkarya Islam di negara ini yang penuh dengan unsur-unsur keislaman kerana konsep teori ini lebih kepada perjuangan





untuk menuntut hak wanita dari pandangan Barat. Sebaliknya, Teori Feminisme ini lebih sesuai diaplikasikan kepada karya-karya yang ditulis oleh penulis-penulis Barat yang sering mengeksploitasi wanita di dalam karya mereka serta menggambarkan wanita itu sebagai mangsa penindasan oleh kaum lelaki.

Pengamatan serta kajian yang dibuat masih belum ada sebuah teori sastera yang memfokuskan kepada wanita Melayu beragama Islam. Pengkaji mendapati Teori Feminisme ini bertentangan sepenuhnya dengan unsur-unsur ketauhidan yang berlandaskan al-Quran serta Sunah Rasulullah SAW. Teori Feminisme yang khusus kepada wanita merupakan satu teori yang begitu penting di Barat. Masyarakat Barat percaya bahawa wanita harus mempunyai persamaan hak dari sudut ekonomi, politik dan sosial dengan kaum lelaki. Idea feminism serta perjuangannya telah merebak ke seluruh dunia termasuklah di Malaysia.



Namun begitu dari perspektif Islam, Allah SWT telah menggariskan ciri-ciri seorang wanita Islam yang sejati berpegang kepada al-Quran dan al-Sunah. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 85), pandangan umum al-Quran dan al-Sunah terhadap kedudukan wanita adalah sama dengan lelaki dari segi kemanusiaannya, iaitu kedua-duanya mempunyai sama hak dan sama kewajipan dalam melaksanakan tugas-tugas agama. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "*Wahai manusia, bertakwalah kamu kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa*". Wanita merupakan hamba Allah SWT dan mesti melakukan segala suruhan-Nya tanpa ada pengecualian. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 164), di samping itu, perlu diingat bahawa wanita Islam dilarang keras menentang hukum-hukum Allah yang berkaitan dengan mereka kerana ditakuti akan menjejaskan keimanan mereka. Apa yang diharapkan agar mereka menerima peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah dengan hati yang terbuka, kerana di sebalik hukum-





hakam tersebut terdapat kebaikan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia.

Pendapat ini turut disokong oleh Zeenath Kausar (2006, ms. 128):

the feministic model of women's empowerment differs from the Islamic concept of empowerment of women. Muslim women across the world should follow the Islamic concept of empowerment, which should be based on the spirit of the Qur'an and the Sunnah. If Muslim women face problems and difficulties from their local distorted cultures of their societies, or the global pressure from the Western culture, they should neither submit to the distorted local Muslim culture, nor should they surrender to the dominant Western culture. They should simply follow Islamic teachings on women's issues and should create and promote Islamic culture on women's issues.

Ternyata Teori Feminisme Barat bertentangan dengan sifat-sifat wanita Islam yang mendukung kepada tauhid dengan berlandaskan al-Quran serta al-Sunah. Sebaliknya, Teori

Feminisme Barat ini lebih kepada satu perjuangan menuntut persamaan hak untuk wanita



sehingga menjadi suatu revolusi yang lebih radikal dan berlawanan dengan ajaran Islam. Di

sini letaknya keperluan secara teoretikal sebuah konsep atau model kritik wanita yang mampu menampung kelompangan yang terdapat dalam idea ginokritik dan juga feminism Barat dalam analisis teks dengan memanfaatkan idea-idea Islam yang berkait langsung dengan wanita Melayu Islam khususnya dan wanita Islam amnya.

Senario kini yang menggambarkan wanita Islam berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Fenomena ini berlaku kerana mereka jahil tentang agama, tekanan ekonomi, sosial dan politik. Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 66), antara faktor lain yang mendorong wanita Islam mendukung gerakan pembebasan wanita ialah kerana kekaburan mereka tentang ajaran Islam terutamanya yang berkaitan dengan wanita. Kecenderungan ini juga kerana menurutkan rasa ego dan semangat kumpulan serta terikut-ikut dengan gerakan *women's liberation* di Barat. Implikasinya, wanita-wanita Islam lebih





berminat mempertahankan kebendaan, taraf hidup dan pangkat yang jauh bercanggah dengan struktur sosial Islam. Oleh itu, gerakan feminisme telah memesongkan kefahaman wanita Islam tentang kedudukan mereka dalam masyarakat. Situasi di Barat adalah berbeza dengan fitrah masyarakat Islam yang ternyata mengangkat martabat seseorang wanita itu. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 77), oleh yang demikian, untuk menyelesaikannya, kita hendaklah kembali kepada penyelesaian dan garapan Islam. Sikap Islam terhadap wanita perlu dikupas dan diulas secara jelas sebagai jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi berdasarkan keadaan semasa. Sesungguhnya Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW merupakan satu revolusi besar yang mengembalikan hak dan tanggungjawab wanita secara bergandingan dengan pasangannya kaum lelaki. Kebenaran dan keadilan syariah Islam telah menjamin status wanita tetap terbela. Zeenath Kausar (2006, ms. 134) *feminism, being a secular ideology perceives the development of women from a materialistic perspective. It is only concerned with the social status of women and the economic or material development of women for its own sake.* Sebaliknya, wanita Melayu Islam digambarkan seorang yang mempunyai akal budi, hidup di kelilingi dengan adat serta budaya Melayu dan penghayatan kepada Islam yang teguh menjadikan mereka ini lebih baik akhlak serta peribadinya lantas boleh berfikir dengan rasional berbanding dengan wanita-wanita di Barat. Perlu dinyatakan bahawa seseorang wanita perlu dinilai dengan adil kerana mereka sebenarnya mempunyai fungsi yang unik dan tidak ternilai harganya dalam sesebuah masyarakat.

Fenomena di negara kita yang berlaku sekarang ini adalah dengan menularnya fahaman liberalisme. Serangan pemikiran moden melalui penyebaran ideologi liberalisme sangat berbahaya kepada umat Islam kerana berupaya menggugat pegangan akidah dan menjadi ancaman kepada negara. Ibrahim Abdullah (2012, ms. 22) fahaman liberalisme





meliputi kebebasan bertingkah laku, kebebasan pemilikan, kebebasan beragama dan kebebasan bersuara. Fahaman liberalisme ini boleh menyesatkan orang-orang Islam daripada landasan yang sebenarnya. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyekat aliran feminisme liberal daripada menular di negara kita. Tuntutan yang dibuat golongan liberalisme dan feminisme ini sarat dengan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam, sekali gus boleh dianggap tidak bersifat sejagat. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 29), pada dasarnya "*liberalism*" mengandungi falsafah berdasarkan prinsip kebebasan individu yang mana setiap manusia sewajarnya diberi kebebasan memilih tanpa dikawal oleh pendapat awam mahupun undang-undang. Pada prinsipnya juga setiap individu hendaklah diberi hak dan peluang yang sama rata. Perjuangan feminisme liberal beranggapan bahawa hak-hak wanita yang sama dengan lelaki dinafikan. Justeru, wanita-wanita Melayu Islam perlu ada pegangan akidah yang teguh agar tidak terpengaruh dengan aliran feminisme liberal, iaitu dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunah sebagai pedoman hidup mereka. Kajian ini juga diharapkan boleh dijadikan rujukan oleh wanita-wanita Melayu Islam supaya tahu membezakan antara fahaman yang negatif ataupun positif serta tidak lari daripada mendukung kehendak agama Islam yang hakiki.

Dewasa ini wanita bukan Islam terutamanya di Barat sering memandang rendah dengan keupayaan wanita Islam. Mereka membuat andaian bahawa Islam menyekat kemajuan seseorang individu itu terutamanya wanita Islam sebaliknya kelebihan hanya diberikan kepada lelaki. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 22), kedudukan wanita dalam pandangan Barat adalah tidak mendapat hak yang sewajarnya dalam kehidupan mereka. Golongan-golongan di Barat sering memandang serong dengan dasar Islam serta mereka lebih mengagungkan perjuangan hak asasi manusia yang kononnya Islam mengongkong hak wanita. Mereka perlu sedar bahawa Islam memberi pengiktirafan yang





tinggi kepada seseorang wanita itu. Hasil kerja Raihanah Abdullah (dipetik dalam Roziah Omar dan Azizah Hamzah, 2003, ms. 143), *it is generally accepted by most writers that the teachings of the Qur'an have elevated the status of women to an honourable position*. Maka, kajian ini diharapkan dapat membuka mata wanita-wanita bukan Islam bahawa Islam bukannya menyekat kebebasan seseorang wanita agar mampu bersaing dalam semua aspek kehidupan tetapi ada batas-batasnya demi kebaikan diri mereka sendiri. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 85), Islam memberikan kebebasan kepada wanita dalam bidang pendidikan, perkahwinan, pekerjaan, politik dan kemasyarakatan. Panduan daripada al-Quran dan al-Sunah terhadap kedudukan wanita adalah sama dengan lelaki dari segi kemanusiaannya, iaitu kedua-duanya mempunyai sama hak dan sama kewajipan dalam melaksanakan tugas-tugas agama. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Nisa'*, ayat 4:1 yang bermaksud: *Wahai manusia, bertakwalah kamu kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa*. Konklusinya, ayat ini menunjukkan bahawa semua manusia berasal daripada satu kejadian yang sama dan mereka hendaklah bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman, 1997, ms. 160), jauh bertentangan dengan tanggapan Barat wanita Melayu dalam kajian ini tidak mempersepsikan diri mereka lemah, tertindas kerana peranan mereka sebagai wanita, isteri dan ibu. Ini tidak bererti mereka jahil atau pasif. Pada realitinya mereka adalah golongan wanita yang tahu hak mereka dan mempunyai strategi-strategi mereka tersendiri untuk meneruskan kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini diharapkan mampu mengubah persepsi wanita-wanita bukan Islam terhadap wanita Islam amnya dan wanita Melayu Islam khasnya yang selama ini dianggap lemah serta berfikiran mundur.





Di Amerika Syarikat pergerakan pembebasan (emansipasi) wanita pernah dipimpin oleh seorang wanita Yahudi bernama Betty Freidan (1963). Pada masa kini gerakan ini semakin menjadi-jadi di Amerika Syarikat, Eropah dan negara maju yang lain. Fenomena ini juga sedang melanda di negara Islam dan dunia ketiga. Sungguhpun benar terdapat dalam agama Yahudi, Kristian dan Hindu unsur-unsur kezaliman kepada wanita tetapi merupakan satu penyelewengan oleh penaja atau ketua-ketua agama berkenaan dan bukannya daripada agama Allah SWT. Sebenarnya yang menjadi masalah adalah isu-isu ketidakadilan wanita dalam agama-agama tersebut. Ghazali Darusalam (1998, ms. 46), sejarah telah merakam bahawa sejak zaman purba, wanita telah diperalat, dizalimi, dicaci, diperdagangkan seperti barangan dan menjadi mangsa kaum lelaki, sedangkan lelaki didewakan, dihormati dan disanjung. Masyarakat Yahudi umpamanya menganggap wanita sebagai komoditi dagangan yang tidak berhak dalam warisan dan pendidikan. Wanita Rom diperlakukan seperti hamba, dijual beli seperti haiwan, tidak bernilai seperti najis dan sampah, wanita yang sedang dalam haid dianggap kotor dan pembunuhan terhadap wanita tidak perlu kisas. Penganut-penganut agama lain bersikap tidak mahu mengambil tahu dan mencari kebenaran bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW merupakan sebuah agama yang suci, mahu menegakkan keadilan ilahi yang universal di bumi ini. Sebaliknya, penyokong pergerakan wanita ini yang terdiri daripada orang Yahudi, Kristian dan Hindu hanya berminat untuk menggunakan isu hak bagi tujuan yang batil. Sehubungan dengan itu, kajian ini boleh memberi penegasan yang sebenarnya berkenaan dengan kesucian agama Islam dalam mengangkat hak serta kedudukan wanita. Ternyata Islam itu berbeza dengan agama-agama yang lain di dunia ini.

Selain itu, peranan media massa antarabangsa milik Yahudi pada masa kini kerap membuat dakyah berhubung dengan Islam. Tuduhan mereka bahawa Islam adalah musuh utama dunia amat dikesalkan. Mereka turut membuat tuduhan bahawa Islam akan membawa





kemunduran serta keganasan. Ghazali Darusalam (1998, ms. 17) pemimpin Iraq, Saddam Hussein pula digambarkan oleh media Barat sebagai Adolf Hitler masa kini. Padahal hakikatnya kuasa-kuasa besar Barat inilah yang melakukan kekejaman, yang sering mencelah di setiap perselisihan agar mereka boleh menjadi batu api yang menyalakan peperangan semata-mata untuk kepentingan mereka sendiri. Mereka secara halusny telah menanam dalam fikiran masyarakat dunia bahawa kaum Syiah di Iran adalah contoh kaum fundamental dalam Islam. Hakikatnya, kebenaran dan kemuliaan agama Islam itu telah diselewengkan untuk mengikut citarasa dan hawa nafsu pengikut-pengikut sehingga menjadi agama yang bersifat ekstrimis dan pelampau. Implikasinya, ramai cerdik pandai yang terpengaruh dengan dakyah Yahudi itu tanpa berusaha mencari kebenaran ilahi. Justeru, akan berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam kerana kelicikkan dakyah Yahudi tersebut. Ghazali Darusalam (1998, ms. 16), pada hari ini media merupakan ancaman baru terhadap Islam. Ia memainkan peranan penting dalam arus kemodenan. Namun masyarakat Barat khususnya telah menyalahgunakan kuasa media dengan menjadikan media sebagai senjata mereka memusnahkan umat Islam. Media dapat dianggap sebagai iblis zaman ini; ada di mana-mana, berkuasa serta mampu meracuni pemikiran kaum Muslimin.

Fenomena sekarang begitu hebatnya penularan budaya *unisex* yang sedang melanda negara-negara Barat dan Timur yang mahu menyaturupakan wanita dan lelaki melalui pakaian dan sebagainya. Umpamanya pemakaian *jeans* dan *T-shirt* yang sama bagi lelaki dan wanita digalakkan. Kadangkala ditulis cogan kata hadapan *T-shirt* tersebut *I am born free*. Fesyen rambut umpamanya digalakkan lelaki berambut panjang dan wanita pula berambut pendek. Terdapat pergerakan pembebasan wanita yang mencadangkan pengubahsuaian penggunaan istilah harian yang menonjolkan unsur-unsur kelakian seperti perkataan *chairman* kepada *chairperson*. Ghazali Darusalam (1998, ms. 56), remaja menjadi bingung





dan kabur tentang tugas dan peranan. Akibatnya berlakulah percampuran identiti di mana lelaki menyerupai wanita dan sebaliknya dari aspek berpakaian, cara pergaulan dan sebagainya. Remaja wanita pula lebih gemar menonjolkan perawakan kasar dan ganas melalui aktiviti-aktiviti yang biasanya diceburi oleh lelaki seperti membabitkan diri dalam sukan lasak. Mereka juga mempertikaikan penggunaan perkataan *He* (gantinama lelaki dalam bahasa Inggeris) yang didapati dalam kitab Bible mereka merujuk kepada Tuhan. Aktiviti-aktiviti tersebut mungkin merupakan tindak balas yang ekstrim dari gerakan pembebasan wanita terhadap kezaliman undang-undang dan layanan Institusi Gereja Rom Eropah terhadap wanita pada masa lampau. Ghazali Darusalam (1998, ms. 47), dalam agama kristian sendiri paderi-paderi memandang hina dan jijik kepada wanita. Bagi mereka perkahwinan merupakan perkara keji yang mesti dihindari. Selain itu, ketidakadilan terhadap wanita dalam masyarakat tertentu hingga hari ini turut menjadi faktor penentangan tersebut. Tidak boleh dinafikan bahawa gerakan pembebasan wanita ini telah dipengaruhi dan disalahgunakan oleh unsur-unsur perniagaan dan ideologi ateisme serta Gerakan Revolusi Sedunia yang membawa lebih buruk kesannya. Ghazali Darusalam (1998, ms. 56), kesibukan wanita mengejar kebendaan dan tuntutan ekonomi menyebabkan wanita menjadi berorientasikan kerjaya. Implikasinya, berlakulah pelbagai masalah rumah tangga serta anak-anak terbiar yang turut menghancurkan masyarakat Islam pada zaman ini. Al-Qardhawi (1999, ms. 130) ...mereka membangunkan bumi tetapi merosak manusia, mereka mendirikan bangunan-bangunan, tetapi menghancurkan nilai, bekerja untuk dunia, tetapi melupakan akhirat, mereka memakan nikmat Allah, tetapi tidak melaksanakan kesyukuran, memberi muka kepada yang buta, tetapi zalim kepada yang lemah, mereka mengabaikan ibadat dan tunduk kepada syahwat. Justeru, kemegahan materialistik tidak dapat menghindari daripada siksaan Allah SWT.





Pengamal ajaran sosialis dan orientalis melaungkan pembebasan wanita secara mutlak dan secara tidak langsung juga mereka mahu menghapuskan ajaran Islam secara mutlak kerana mereka berpendapat semua agama adalah karut hasil dari pandangan fahaman feudalisme dan chauvinisme. Agama menghalang kemajuan. Tuduhan itu mungkin benar jika ditujukan kepada agama-agama lain tetapi Islam mahukan kemajuan dan menunjukkan bagaimana kemajuan itu dapat diperoleh dengan selamat dan dipelihara dengan baik berasaskan kepada keadilan ilahi serta menentang kezaliman dan penindasan. Al-Qardhawi (1999, ms. 177), kita umat Islam bernasib baik kerana agama kita tidak menghalang perkembangan ilmu dan kemajuan sebagaimana yang mungkin disangkakan oleh sebahagian mereka yang tidak mengenali Islam dan mahu menyamakan Islam dengan agama-agama lain. Al-Qardhawi (1999, ms. 178) mengukuhkan lagi pendapatnya dengan menyatakan bahawa dalam sejarah gereja Barat sepanjang abad pertengahan, tersebar pemikiran bahawa akal adalah bertentangan dengan wahyu, ilmu pengetahuan adalah musuh agama, pemikiran adalah lawan keimanan, dan hukum syariah adalah lawan bagi hikmah (*wisdom*). Sedangkan Islam tidak pernah mengalami masalah-masalah sedemikian.

Dalam era kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, didapati banyak tuduhan yang melulu telah dibuat terhadap Islam berhubung dengan isu wanita. Salah satu daripadanya adalah tuduhan bahawa Islam mengamalkan dasar perhambaan terhadap kaum wanita kerana Islam membenarkan penceraian dan poligami. Hakikatnya, isu-isu dominan ini sering digunakan oleh Barat dalam usaha menjatuhkan Islam. Masyarakat Barat telah memburukkan Islam apabila al-Quran dan hadis turut disalahtafsirkan malah sirah Rasulullah SAW pula dilihat dari sudut yang negatif. Fenomena ini menimbulkan kekusutan apabila orang-orang Islam sendiri jahil untuk memberikan penerangan yang jelas terhadap persoalan yang berkaitan dengan penceraian dan poligami. Sebaliknya, orang-orang Islam





sendiri turut menyalahkan hukum agama dan memberi gambaran yang negatif tentang Islam kepada masyarakat. Penyalahgunaan hukum-hukum agama ini seolah-olah membenarkan tuduhan mereka bahawa Islam adalah agama yang menzalimi wanita melalui ajaran-ajaran seperti poligami dan penceraian. Ismail Ibrahim (dipetik dalam Siti Fatimah Abdul Rahman, 2000, ms. 1), ...dua kesimpulan boleh diambil tentang kedudukan wanita dalam Islam. Pertama, Islam telah membebaskan wanita dari penindasan yang mereka alami sejak zaman berzaman di mana wanita dibebaskan daripada tradisi jahiliah dan penguasaan melampau oleh lelaki. Kedua, wanita diberikan hak yang selama ini mungkin tidak pernah mereka perolehi dari masyarakat. Dua perkara ini merupakan sumbangan Islam dalam memartabat dan mengangkat status wanita dari kedudukannya yang tertindas sebelum ini.

Oleh kerana gerakan pembebasan wanita telah wujud di Eropah dan Amerika Syarikat hampir 150 tahun lamanya maka banyak input yang boleh kita kaji buruk dan baiknya.

Sesungguhnya Islam memberi jalan tengah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh mereka yang belum mendapat hidayah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 143 yang bermaksud: *Dan demikian kami telah menjadikan kamu umat pertengahan yang adil agar kamu menjadi saksi atas manusia dan agar Rasul menjadi saksi atas kamu.* Perbezaan antara lelaki dan wanita bukanlah satu masalah tetapi merupakan rahmat dan mempunyai hikmah yang amat besar. Namun begitu, kejahilan pejuang pergerakan wanita menjadikan mereka percaya bahawa lelaki dan wanita perlu mempunyai tanggungjawab yang sama. Sebenarnya, wanita adalah sangat berbeza sekali dengan lelaki. Islam juga memberi peraturan yang sihat bagi kesejahteraan keluarga kerana keluarga adalah tiang masyarakat dan wanita memainkan peranan yang penting di dalamnya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: *Syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu.* Islam memberi kehormatan yang paling tinggi kepada keibuan wanita. Wanita sebagai ibu berhak





mendapat kasih sayang anak-anaknya tiga kali ganda lebih dari lelaki bergelar bapa. Oleh itu, tanggungjawab ibu itu amat berat dan Allah SWT tidak mewajibkannya untuk mencari nafkah bagi keluarganya.

Pengutaraan di atas merupakan fenomena-fenomena yang melanda masyarakat Islam di dunia amnya dan di Malaysia khasnya menjadi sebab utama untuk melahirkan kajian ini agar dapat membentuk sebuah masyarakat Islam yang berpegang teguh pada ajaran Tauhid. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk mengetengahkan watak wanita Melayu yang menjalani kehidupan sebagai seorang Muslimah dan Mukminah. Realitinya, kehidupan orang Melayu lebih cenderung kepada Islam yang menjadi agama rasmi di sini. Oleh itu, pengkaji rasa terpenggil untuk melahirkan sebuah konsep yang memfokuskan kepada wanita Melayu yang bercirikan kriteria seorang Muslimah dan Mukminah yang berpegang kepada Tauhid.



Maka, konsep yang memfokuskan kepada wanita Melayu Islam ini diharapkan dapat memeriahkan persada sastera tanah air kita dan yang paling utama dapat dipraktikkan dalam membentuk sebuah masyarakat yang beragama, berilmu serta tidak bertentangan dengan adat serta resam Melayu. Akhiran, diharapkan kajian ini menjadi titik tolak kepada satu perubahan yang positif kepada wanita-wanita Melayu Islam di negara ini khususnya dan dunia amnya. Perlu diakui bahawa Islam merupakan agama yang sempurna dan lengkap. Oleh itu, penelitian, pencarian dan pemahaman yang jitu diperlukan supaya kesempurnaan tersebut dapat dijelmakan dengan seadil-adilnya demi kesejahteraan hidup umat manusia di bumi ini.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berdasarkan empat objektif utama. Objektif-objektif kajian ini adalah untuk:-

- 1.4.1 membincangkan ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dari perspektif feminisme Barat dan Islam.
- 1.4.2 menganalisis perwatakan watak wanita Melayu Islam berasaskan Konsep Feminisme Talbiah.
- 1.4.3 mengaplikasikan Konsep Feminisme Talbiah terhadap karya-karya prosa Aminah Mokhtar.
- 1.4.4 membangunkan kerangka Konsep Feminisme Talbiah berasaskan idea Elaine Showalter dan Yusuf al-Qardhawi sebagai kerangka analisis.



1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Apakah ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dari perspektif feminisme Barat dan Islam?
- 1.5.2 Sejauh manakah perwatakan watak wanita Melayu Islam dalam novel dan cerpen Aminah Mokhtar menepati Konsep Feminisme Talbiah?
- 1.5.3 Sejauh manakah Konsep Feminisme Talbiah dapat diaplikasikan terhadap novel dan cerpen karya Aminah Mokhtar?
- 1.5.4 Apakah bentuk kerangka analisis Konsep Feminisme Talbiah yang sesuai dengan kajian?





1.6 Kepentingan Kajian

Setelah ditinjau daripada pelbagai sudut maka dapatlah dinyatakan bahawa kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk:-

- Membantu memperkayakan khazanah kajian ilmiah untuk rujukan sarjana pada masa kini dan masa hadapan serta menambahkan lagi koleksi kajian ilmiah dalam bidang Kesusasteraan Melayu.
- Menjadi bukti bahawa genre-genre sastera ini berperanan sebagai medium dakwah melalui pena kepada masyarakat demi mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan diri masing-masing.
- Memperkenalkan Konsep Feminisme Talbiah kepada penggiat sastera tanah air.
- Membincangkan perbezaan ciri-ciri wanita Melayu Islam dari perspektif feminisme Barat dan Islam dalam karya Aminah Mokhtar.
- Mengetengahkan Aminah Mokhtar seorang pengarang wanita yang prolifik serta karya-karyanya masih belum dikaji secara mendalam.
- Menghebahkan kepada umum ciri-ciri wanita Islam dalam prosa Melayu karya penulis wanita Melayu Islam sejajar dengan tuntutan Islam.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua novel karya Aminah Mokhtar. Novel karya Aminah Mokhtar yang bertajuk *Ratap Rabitah* (2012) telah memenangi Hadiah Sako 3 bagi Novel Nasional anjuran Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2002/2007





dengan kerjasama Kumpulan Utusan. Novel *Diari Seorang Jururawat* (1996) diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1996. Novel ini juga memenangi penilaian Hadiah Sastera Darul Takzim 1999 bagi kategori novel dewasa. Pengkaji juga hanya menggunakan 3 daripada 21 buah cerpen karya Aminah Mokhtar yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen *Pelamin Embun* (2009) dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Cerpen-cerpen tersebut bertajuk *Akar Cinta, Aku Ingin Menjadi Rabiah dan Lautan Cintaku, Istana Pasir Adik-adik*. Cerpen *Akar Cinta* merupakan penerima Hadiah Saguhati, Sayembara Cerpen Berunsur Islam ke-IX, Tahun 2004.

Pengkaji hanya memilih karya Aminah Mokhtar untuk menerapkan Konsep Feminisme Talbiah berdasarkan rasional-rasional yang tertera di bawah:-

1. prinsip kritikan sastera wanita oleh Elaine Showalter hanya sesuai untuk wanita, oleh wanita, tentang wanita dan kepada wanita. Oleh itu pemilihan Aminah Mokhtar didapati amat sesuai kerana beliau ialah seorang penulis wanita yang dunia penulisannya berkisar tentang wanita.
2. Aminah Mokhtar merupakan seorang pengarang wanita yang prolific dan karya-karya beliau masih belum banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.
3. Aminah Mokhtar banyak mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan wanita Melayu Islam di dalam karya-karyanya.

Dalam kajian ini juga, pengkaji meneliti watak dan perwatakan wanita Melayu Islam yang terdapat dalam karya prosa Aminah Mokhtar. Selain itu juga, pengkaji turut mengkaji ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dari perspektif feminisme Barat dan Islam, menganalisis perwatakan watak-watak wanita Melayu Islam berasaskan Konsep Feminisme Talbiah dan mengaplikasikan Konsep Feminisme Talbiah terhadap novel dan cerpen karya





Aminah Mokhtar. Pengkaji juga membangunkan kerangka konsep Feminisme Talbiah berasaskan idea Elaine Showalter dan Yusuf al-Qardhawi sebagai kerangka analisis.

Pengkaji mendapati Teori Feminisme yang terkenal di Barat membawa fahaman yang negatif kerana berlawanan dengan syariat Islam. Sehubungan itu, pengkaji telah menggunakan kritikan feminis oleh Elaine Showalter, iaitu ginokritik. Ginokritikan mempunyai kelompangan dalam empat model yang diketengahkan. Sehubungan itu, pengkaji memasukkan unsur ketauhidan melalui percantuman antara ginokritikan dengan enam elemen tentang kedudukan wanita Islam oleh Yusuf al-Qardhawi untuk melahirkan Konsep Feminisme Talbiah yang memfokuskan Tauhid, iaitu berkonsepkan menyerah diri kepada Allah SWT. Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010, ms. 5) menyatakan konsep Talbiah merupakan penyerahan mutlak kepada Allah SWT. Konsep Talbiah ini telah diterima oleh para sahabat daripada Rasulullah SAW serta diakui oleh ulama. Penyerahan diri kepada Allah SWT ini terkandung dalam kedudukan Tauhid Rububiyah, iaitu Allah SWT tempat berserah. Perkara ini dapat difahami melalui firman Allah SWT dalam Surah *al-An'am*, ayat 6: 71 yang bermaksud: *Katakanlah, "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekeliling alam"*. Konsep Talbiah ini turut bertujuan untuk membentuk peribadi wanita Melayu Islam dengan berpandukan al-Quran, al-Sunah, dan pendapat ulama, iaitu Yusuf al-Qardhawi.

Pergerakan Feminisme di Barat yang bertunjangkan perjuangan wanita untuk mendapatkan tempat yang sederajat dengan lelaki dengan berdasarkan pengalaman seseorang wanita itu telah berleluasa sehingga melahirkan Teori Feminisme. Mana Sikana (2005, ms. 280), mereka menganggap selama ini telah ditindas, dianiaya dan terpinggir oleh kekuasaan





patriarkal. Charles E. Bressler (1994, ms. 103), *women, feminists declare, must define themselves and assert their own voices in the arenas of politics, society, education and the arts*. Di samping itu juga, Teori Feminisme ini mempunyai cubaan membantah serta menentang kesemua kezaliman patriarki dengan melakukan perjuangan menuntut hak, kedudukan dan martabat wanita dengan memperjuangkan ideologi feminis, iaitu penguasaan lelaki mesti dimusnahkan termasuklah dengan menggunakan gerakan kesusasteraan dan kritikan sastera.

Elaine Showalter merupakan antara tokoh kritikan feminis moden yang terpenting di Amerika Syarikat memperjuangkan kritikan sastera wanita. Kritikan sastera yang dipelopori oleh Elaine Showalter dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kritikan feminis atau “pengkritik wanita” dan ginokritikan. Salinah Siabu (1991, ms. 58), Showalter membahagikan kritikan kepada dua jenis. Jenis yang pertama terdiri daripada wanita sebagai pembaca – wanita sebagai pengguna karya sastera yang dihasilkan oleh lelaki dan pembaca wanita berkenaan akan membuat andaian atau hipotesis yang bakal mengubah sudut pandangan atau pemahaman kita daripada yang terdapat dalam teks tersebut; ini menyedarkan kita kepada pengertian kod-kod kejantinaannya. Analisis ini digelar kritikan feminis (*feminist critique*). Jenis kedua, ialah wanita sebagai penulis – wanita sebagai pengeluar atau penyampai makna teks, dengan sejarah, tema genre dan struktur kesusasteraan oleh wanita.

Kritikan feminis iaitu menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca dan pengguna karya yang dihasilkan oleh lelaki. Wong Soak Koon (1992, ms. 54), dengan mengetengahkan seorang pembaca wanita, kritikan sastera feminis menyedarkan kita betapa signifikannya kod-kod seksual di dalam sesebuah teks yang dianalisis. Mana Sikana (2005,





ms. 288), kritikan feminis ini juga mendorong kaum wanita supaya membaca teks-teks yang dihasilkan oleh lelaki dan memerhatikan bagaimana selama ini wanita dianggap lemah, penuh daya berahi dan hanya digunakan untuk bahan tarikan lelaki. Imej-imej wanita seluruhnya adalah memiliki segala serbinya kekurangan dan tidak berdaya untuk mengatasi kelemahannya. Sehubungan itu, imej-imej wanita selalunya setara, klise dan stereotaip. Ini mengakibatkan wanita sering disalah anggap manakala konsepsi atau definisi wanita itu hanyalah aspek keghairahannya sahaja. Implikasinya, di sepanjang sejarah sastera wanita dipinggirkan meliputi semua lapangan hidupnya. Philip Rice dan Patricia Waugh (1992, ms. 94), *one of the problem of the feminist critique is that it is male-oriented. If we study stereotypes of women, the sexism of male critics, and the limited roles women play in literary history, we are not learning what women have felt and experienced, but what men have thought women should be.*



Ginokritikan pula merupakan kritikan sastera yang kedua dipelopori oleh Elaine Showalter. Ginokritikan ialah satu jenis kritikan feminis yang eksperimental dan *self-contained*. Wong Soak Koon (1992, ms. 54), *gynocritics* ingin membebaskan diri daripada terikat dengan teori yang selama ini merupakan batu asas sistem penandaan kaum lelaki. Ia juga cuba melihat ke dalam imaginasi dan daya cipta wanita yang mampu membuahkan bentuk eksperimental. Siti Hajar Che Man (2007, ms. 99-102), untuk melihat bagaimana ginokritikan ini diaplikasikan dalam karya sastera, Showalter telah menggunakan empat model utama yang berbeza. Model-model tersebut ialah:-

1. Penulisan Wanita dan Biologi Wanita.

Model ini menyatakan bahawa golongan feminis menulis dalam konteks dan perspektif biologi yang secara umumnya menekankan kepentingan jasmaniah sebagai sumber citra.





2. Penulisan Wanita dan Bahasa Wanita.

Model ini sering ditemui dalam teori linguistik dan tekstualiti.

3. Penulisan Wanita dan Psikologi Wanita.

Model ini lebih menjurus kepada proses kreatif. Juga, memberi pertimbangan kepada perbezaan sifat wanita dalam jiwa pengarang dan hubungannya dengan gender.

4. Penulisan Wanita dan Budaya Wanita.

Kajian sastera wanita akan menjadi lebih sempurna dengan menggunakan model wanita dan budaya.

Sebenarnya daripada model-model tersebut, dapat difahami bahawa ginokritikan yang memfokuskan kepada wanita memerlukan wanita sebagai penghasil dan penulis, dalam masa yang sama wanita tersebut bertindak sebagai pengguna (pembaca/pengkritik).



Kajian ini yang menjadikan wanita Melayu Islam sebagai model menggunakan pendapat ulama terkemuka, iaitu Yusuf al-Qardhawi sebagai sandaran kajian. Al-Qardhawi telah menggariskan enam elemen berkaitan kedudukan wanita Islam untuk membentuk peribadi wanita kepada seorang Muslimah dan Mukminah yang bersesuaian dengan tuntutan Islam. Elemen-elemen kedudukan wanita di dalam Islam itu adalah:-

1. Wanita sebagai insan
2. Wanita sebagai perempuan
3. Wanita sebagai ibu
4. Wanita sebagai anak
5. Wanita sebagai isteri
6. Wanita sebagai anggota masyarakat





Pemilihan Al-Qardhawi sebagai panduan dan rujukan berkaitan dengan wanita Islam adalah kerana beliau merupakan tokoh ulama yang begitu gigih memperjuangkan Islam dan banyak terlibat dalam dunia fatwa serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada umat Islam. Selain itu, fatwa-fatwa yang berkaitan dengan isu wanita merupakan di antara bidang yang begitu terserlah aspek pembaharuan atau tajdid yang dilakukan oleh Al-Qardhawi. Al-Qardhawi (dipetik dalam Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, 2011, ms. 177) ini dapat dilihat dalam beberapa buah buku karya beliau sama ada diletakkan sebagai satu tajuk kecil atau dimuatkan dalam satu buku khusus seperti *Markaz al-Mar'ah Fi al-Hayah al-Islamiyyah* (Kedudukan Wanita Dalam Kehidupan Masyarakat Islam). Al-Qardhawi (dipetik dalam Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, 2011, ms. 179) sewaktu membahaskan isu-isu wanita dibuat di atas dasar yang menyeluruh dan bukan dalam aspek-aspek tertentu sahaja dan dalam skop yang lengkap dan bukan dalam skop yang terputus-putus dan sempit. Al-Qardhawi menyedari tentang peranan kaum wanita dalam masyarakat dan negara serta perkara ini disentuh oleh beliau. Pendapat ini disokong oleh Nooh Gadut (dipetik dalam Siti Fatimah Abdul Rahman, 2006, ms. 19), di antara golongan yang mendapat sinaran kedatangan Islam ialah kaum wanita. Islam telah meningkatkan martabat mereka di mana Islam telah melepaskan mereka daripada cengkaman amalan tradisi masyarakat jahilliyyah yang menindas dan meminggirkan kaum wanita. Begitu juga, Islam telah memberikan wanita hak-hak sebagai manusia yang selama ini telah dinafikan daripada mereka. Oleh itu, wanita adalah aset penting dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan beragama. Wanita juga perlu melaksanakan kewajipan-kewajibannya dengan cara yang baik, mengikut syarak dan aturan yang ditetapkan oleh Islam.





Kajian ini akan mengetengahkan Konsep Feminisme Talbiah yang menepati ciri-ciri seorang Muslimah dan Mukminah sejati serta berupaya mengangkat martabat mereka ke satu tahap yang tinggi. Konsep Feminisme Talbiah yang paling utama adalah menyerah diri atau penyerahan diri kepada Allah SWT yang membawa kepada pegangan Tauhid yang teguh. Selain itu, Konsep Feminisme Talbiah ini memfokuskan kepada wanita Melayu Islam, iaitu beriman dan bertakwa kepada Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW. Wanita Melayu Islam ini juga berpegang kepada akidah Tauhid yang membentuk peribadi mereka menjadi Muslimah dan Mukminah yang sejati dalam Islam. Pegangan Tauhid yang utuh merupakan tunjang keimanan serta ketakwaan semua umat Islam. Dalam kajian ini juga, pengkaji melihat kriteria wanita itu daripada perspektif Islam dengan menjadikan al-Quran, al-Sunah dan pendapat Yusuf Al-Qardhawi selaku ulama Islam yang terkemuka sebagai hujah yang menyokong kajian ini. Pengkaji membahagikan Konsep Feminisme Talbiah kepada dua bahagian, iaitu aspek luaran dan aspek dalaman. Aspek luaran terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan budaya. Aspek dalaman pula terdiri daripada psikologi dan spiritual/kerohanian.

Penggunaan Konsep Feminisme Talbiah ini sebagai landasan kajian diharapkan dapat memberi penilaian yang benar-benar telus terhadap peribadi seorang wanita Melayu Islam dengan seadil-adilnya. Umum mengetahui, wanita Islam mempunyai hak untuk menikmati pelbagai perkara asalkan tidak bertentangan dengan syarak. Oleh itu, adat dan tradisi yang membelenggu wanita Islam perlu dihindarkan kerana akan menjadikan hidup mereka terkongkong. Al-Qardhawi (dipetik dalam Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, 2011, ms. 183) sentiasa berpendapat tidak perlu terlalu terikat dengan adat dan tradisi, kerana banyak adat dan tradisi yang dianggap oleh masyarakat sebagai agama tetapi sebenarnya bukan urusan agama. Mereka mengharamkan kaum wanita menikmati banyak hak yang telah





dijamin oleh syarak, sebagaimana yang dibawa oleh wahyu. Mereka menzalimi wanita dan juga menzalimi syariat Islam, kerana menyandarkan kepada syariat sesuatu yang bukan datang daripadanya. Mereka mencegah kaum wanita dari menikmati perkara-perkara yang harus dinikmati oleh mereka. Dalam kebanyakan hak, Al-Qardhawi menyeru kaum wanita Islam agar tidak terikat dengan ikutan tradisi yang tidak mempunyai sandaran kukuh daripada syarak. Kesimpulannya, Al-Qardhawi menjadikan wanita sebagai sebahagian daripada asas penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat penggunaan istilah-istilah yang sering digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.



Istilah-istilah tersebut ialah:-

1.8.1 Konsep

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, ms. 816), *konsep* bermaksud pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu. Selain itu juga, *konsep* juga bermaksud rancangan (rencana, surat dan lain-lain), draf (surat dan lain-lain).

Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia (1990, ms. 236), *concept* membawa maksud pengertian (pendapat) yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu; konsep; tanggapan; gagasan.





Longman Kamus Dwibahasa Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris (2008, ms. 210), konsep *kn concept*; *an idea of how something is, or how something should be done*.

Longman Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia (2008, ms. 523), *concept n* konsep; tanggapan; gagasan.

1.8.2 Feminisme

Secara etimologi atau bahasa, *feminisme* berasal daripada bahasa Latin, iaitu *femina*. Perkataan *femina* membawa erti memiliki sifat-sifat kewanitaan manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, ms. 409), *feminisme* bermaksud gerakan atau fahaman yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki.

Istilah feminisme julung kali digunakan di Perancis pada tahun 1880-an oleh Hubertine Auclert. Menurut jurnal *La Citoyenne*, beliau menggunakan perkataan feminisme ini untuk memperjuangkan hak-hak wanita dan menggalakkan emansipasi wanita serta mengkritik amalan masyarakat pada masa itu berkaitan dengan peranan lelaki yang terlalu dominan terhadap wanita. Pemikiran dan gagasan beliau pada ketika itu banyak dipengaruhi oleh semangat revolusi Perancis yang membawa perubahan drastik terhadap sistem sosial masyarakat di negara itu.

Beterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 3), feminisme dalam Kamus Inggeris Melayu Dewan, ditakrifkan sebagai (i) "*fahaman kewanita*" (ii) "*gerakan kewanita*", iaitu gerakan yang menuntut persamaan hak seperti yang dinikmati lelaki. Sehubungan





dengan itu “feminist” (n), menurut Kamus Dwibahasa Oxford Fajar membawa maksud “penyokong gerakan kewanitaan yang menuntut kesamaan hak dengan lelaki”.

Definisi feminisme ini boleh dibahagikan kepada dua pandangan, iaitu pandangan daripada Barat dan pandangan daripada Timur khususnya Asia.

1.8.2.1 Definisi Menurut Pandangan Barat.

Patricia Elliot and Nancy Mandell (1995, ms. 4), *“feminist” as a word gained widespread usage in the western world in the 1890s. It emerged at this time as a way to identify individuals who supported not merely an increased public role for women but also women’s right to define themselves as autonomous beings.*

Adrienne Rich (dipetik dalam Nancy Mandell, 1995, ms. 4), *feminism is not frivolous label but is an ethics, a methodology, a more complex way of thinking about and acting upon the conditions of our lives.*

Chris Weedon (dipetik dalam Nancy Mandell, 1995, ms. 4), *feminism is a politics directed at changing existing power relations between women and men in society.*

Bell Hook (dipetik dalam Nancy Mandell, 1995, ms. 4), *feminism constitutes a social, economic, and political commitment to eradicating race, class, and sexual domination and a reorganizing society so that individual self-development takes precedence over imperialism, economic expansion, and material desires.*





Monique Witting (dipetik dalam Carole R. McCann dan Seung-Kyung Kim, 2003, ms. 251), *feminist is formed with the word “femme,” “women,” and means: someone who fights for women.*

Siti Hajar Che Man (2007, ms. 2), menurut Sandra Harding “*Feminism is a political movement for the emancipation of women*”, manakala menurut Weedon pula, “*Feminisme is politics. It is a politics directed at changing existing power relations between women and men in society*”. Maggie Humm yang menyatakan bahawa “*that feminism is a social force*”.

Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 3), menurut Lesly Brocon pula, feminisme ditakrifkan sebagai (i) *The qualities of a female: The development of female secondary sexual characteristics in a male.* (ii) *Advocacy of equality of the sex and the establishment of the political, sexual and economic rights of women.*

Toril Moi (dipetik dalam Jeremy Hawthorn, 1994, ms. 95-96) mendefinisikan *feminism makes a useful distinction between three cognate terms which provides a good starting point: feminism is a political position, femaleness a matter of biology, and femininity a set of culturally defined characteristics. It should be recognized, of course, that Moi's suggested definitions here have a political edge.*

Elaine Showalter (dipetik dalam Jeremy Hawthorn, 1994, ms. 96) menerangkan in her *A Literature of Their Own*, suggests different way of using these three terms in the narrower field of women's writing. For Showalter, the feminine stage of women's writing involves a prolonged phase of imitating the prevailing modes of the dominant tradition and





internalizing its standards of art; the feminist stage involves the advocacy of minority rights and values; and the female stage is the phase of self-discovery and search for identity.

Virginia Woolf (dipetik dalam Jeremy Hawthorn, 1994, ms. 96), ...*the word feminist was one which was applied to those fighting 'the tyranny of the patriarchal state', to their great resentment – in other words, that the word was imposed on rather than chosen by women fighting for the rights of women.*

1.8.2.2 Definisi Menurut Pandangan Timur (Asia)

Siti Hajar Che Man (2007, ms. 2), Jayawardena mendefinisikan feminisme sebagai *“embracing movements for equality within the current system and significant struggles that have attempted to change the system”*.

Mana Sikana (2005, ms. 280), ...feminisme berpokok daripada perjuangan wanita untuk mendapatkan tempat yang sederajat dengan lelaki yang berdasarkan kepada pengalaman wanita.

Amida Abdulhamid (2008, ms. 289), kalimah “feminisme” diandaikan bererti perjuangan wanita ke arah meningkatkan martabat dan status wanita dalam bidang politik, ekonomi dan social, supaya setara dengan lelaki dan memperoleh peluang yang saksama dengan masyarakat melalui pendidikan.





Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006, ms. 3), feminisme membawa maksud gerakan wanita yang menuntut hak yang sama dengan lelaki dalam pelbagai aspek termasuklah pendidikan, ekonomi, politik dan sosial.

1.8.3 Talbiah

Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010, ms. 5), konsep *Talbiah* merupakan penyerahan yang mutlak kepada Allah SWT. Umat Islam mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan niat yang ikhlas, iaitu beriltizam dengan Tauhid kerana Allah SWT jua.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, ms. 1580), perkataan *talbiah* bermaksud menyerah diri kepada Tuhan (Allah). Umat Islam bertalbiah dengan berikrar serta berpegang pada ketauhidan Allah SWT. Mereka juga berikrar tidak mensyirikkan atau menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain.

Terdapat pengertian yang merujuk kepada lafaz talbiah ini, iaitu pengisytiharan Tauhid yang jelas dan tegas dengan menyebut nama Allah SWT. Bertalbiah merupakan satu ibadah yang menentang syirik, kezaliman dan kesesatan yang dilakukan oleh manusia yang tidak mentauhidkan Allah SWT. Bertalbiah juga menjadi tanda hati yang penuh dengan sifat takwa. Allah Taala telah menjelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud: *Demikian (ajaran Allah). Sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan daripada sifat-sifat takwa hati orang Mukmin*. Hati merupakan tempat berkumpulnya iman dan hati juga boleh menjadi tempat kepada kekufuran, syirik dan juga nifak. Hati seseorang muslim itu perlu ditarbiah





terlebih dahulu agar dapat bertalbiah dengan penuh keinsafan dan keimanan. Bertalbiah itu menggambarkan seseorang muslim yang hatinya pasrah dengan kekuasaan Allah SWT dan bertakwa dengan penuh keimanan. Muslim ini juga berjanji serta berikrar dengan sepenuh hati terhadap keagungan Allah SWT.

1.8.4 Karya

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, ms. 680), *karya* bermaksud kerja; buatan atau ciptaan (seni dll).

